

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2021

HARI SELASA : 21 DISEMBER 2021

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan: -

- (a) usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu meningkatkan kemahiran pekerja kurang mahir yang menjana pendapatan kurang daripada RM2208 bulanan; dan
- (b) apakah target pekerja mahir dalam RMKe-12 dan perancangan Kerajaan untuk mencapai sasaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah mengambil pelbagai usaha untuk membantu meningkatkan kemahiran pekerja kurang mahir yang berpendapatan kurang daripada RM2208 sebulan. Antara usaha yang telah dijalankan seperti berikut:

1. Program Latihan Semula, Program Peningkatan Kemahiran dan Pembelajaran Sepanjang Hayat.
2. Sistem Latihan Dual Nasional dimana pekerja berpeluang mengikuti latihan secara berstruktur.
3. Platform Digital Sehenti untuk membolehkan semua latihan peningkatan kemahiran yang dibiayai Kerajaan dipantau secara berstruktur dan efektif.

Sebagai makluman juga, kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, mensasarkan peningkatan kemasukan lepasan SPM atau setaraf ke program TVET mencapai 55% pada tahun 2025. Seterusnya, bagi menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran pekerjaan melalui pendekatan berikut:

1. Penarafan Tunggal Program TVET yang akan menjadi mekanisme bagi menilai dan menarafkan program TVET yang dilaksanakan oleh penyedia TVET bagi memastikan kualiti

NO SOALAN: 11

program diperkukuh dan dipertingkatkan secara berterusan dalam usaha menyediakan tenaga kerja mahir industri.

2. Pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) akan diperkukuh agar pembelajaran para pelajar adalah seiring dengan perubahan teknologi semasa termasuk 4.0;
3. Program Latihan Teknikal dan Vokasional akan diperkasa dengan menambah baik ekosistem latihan, meningkatkan kualiti program melalui akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan badan bertaraf antarabangsa serta memperkenalkan sistem penarafan institusi Latihan Teknikal dan Vokasional;
4. Pendidikan TVET ke arah pendidikan tinggi akan diwujudkan dan kerjasama dengan industri dipertingkatkan bagi menambah baik kualiti graduan dan memenuhi keperluan industri;
5. Pelan pendidikan digital pada peringkat sekolah dan pengajian tinggi akan diperkenalkan bagi memastikan akses yang lebih luas kepada pendidikan yang berkualiti;
6. Menarik pelaburan baharu yang berteknologi tinggi;
7. Menggalakkan industri beralih kepada automasi dan mekanisasi; dan
8. Menghadkan kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT, KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini Malaysia Genome Institute yang dinaik taraf kepada Malaysia Vaccine and Genome Institute (MGVI).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah status terkini Institut Genom Malaysia (MGI).

1. Pada 1 November 2021, Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) dan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. Penaiktarafan MGVI ini adalah sesuai dengan skop MGI yang fokus kepada penyelidikan genom dan biologi molekular dalam usaha penghasilan vaksin.
2. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) Memorandum Persefahaman (MOU) berkaitan **penyelidikan dan pembangunan vaksin** telah ditandatangani MOSTI menerusi Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM). MOU tersebut adalah bersama:-
 - i. Pharmaniaga Centre Sdn. Bhd.;
 - ii. Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii);
 - iii. Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika (TIDREC);
 - iv. Universiti Putra Malaysia;
 - v. Universiti Sains Malaysia;

- vi. Institut Kesihatan Negara, KKM; dan
 - vii. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
3. MGVI juga dalam proses merangka **strategi kolaborasi** dengan empat (4) pusat kecemerlangan, iaitu:
- i. Pusat Kecemerlangan Penemuan Vaksin
 - ii. Pusat Kecemerlangan Kajian Prakilinikal
 - iii. Pusat Kecemerlangan Kajian Klinikal
 - iv. Pusat Kecemerlangan Pembangunan Proses
4. Pada ketika ini, MGVI turut mengadakan perbincangan dengan **penerima Dana Penyelidikan Strategik (SRF)** berkaitan vaksin manusia untuk menempatkan penyelidik di MGVI. Ini bertujuan agar lebih ramai saintis dan penyelidik dapat dilatih, seterusnya menyediakan penyelidik pelapis berkaitan vaksin di masa hadapan.
5. MGVI juga sedang menyusun struktur untuk pakar-pakar vaksin tersebut menjadi sebahagian tenaga kerja serta peneraju bagi melengkapkan kehendak penyelidikan dan pembangunan dalam bidang vaksin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN AZIZ
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Wira Othman bin Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah dan strategi yang diambil oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi menangani masalah yang dihadapi usahawan bimbingan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam konteks pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MARA melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi membantu usahawan bumiputera untuk terus kekal dalam perniagaan sepanjang pandemik COVID-19 serta menyokong usahawan dalam mengembangkan perniagaan pasca COVID-19 dari aspek pemasaran, pembiayaan dan latihan keusahawanan.

MARA melaksanakan **Program JanaNiaga** sebagai platform untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan melalui pemasaran produk secara atas talian. Seramai **560 usahawan** telah berjaya meluaskan pasaran perniagaan melalui E-mall Jana Niaga MARA di platform Shopee, dengan **jumlah produk berdaftar sebanyak 42,661 Stock Keeping Unit (SKU)**. Nilai jualan yang dicapai sehingga kini adalah berjumlah **RM2.2 juta**.

MARA juga melaksanakan **Program Live BizNetwork** menggunakan platform sosial media sebagai pendekatan penting untuk memperkenalkan jenama serta mempromosi produk dan perkhidmatan usahawan dengan lebih berkesan. Sepanjang program ini dijalankan, sebanyak **1 juta capaian** melalui platform Facebook, Instagram dan Youtube dengan jumlah **tontonan sebanyak 1.2 juta** telah berjaya dicapai. Sebanyak **RM4.88 juta nilai jualan** telah dihasilkan melalui penglibatan seramai **294 usahawan**.

Di samping itu, MARA turut menawarkan pelbagai **Skim Pembiayaan MARA** kepada semua golongan usahawan termasuk usahawan belia dan wanita, usahawan teknikal dan professional serta kontraktor bumiputera bertujuan untuk meningkatkan keupayaan perniagaan serta menggalakkan penyertaan dalam pelbagai industri. MARA juga **meningkatkan had pembiayaan** serta **melonggarkan syarat pembiayaan** bagi Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DanaNITA) dan Skim Pembiayaan Perniagaan Prihatin Mikro (S3P) untuk memberi peluang kepada lebih ramai usahawan menerima pembiayaan di bawah kedua-dua skim tersebut.

Setakat November 2021, seramai **972 usahawan** telah diluluskan pembiayaan berjumlah **RM75.93 juta** di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Manakala pada tahun 2022, Kerajaan memperuntukkan sebanyak **RM75 juta** kepada MARA yang akan memberi manfaat kepada **950 usahawan**.

Selain itu, MARA menawarkan **Program Latihan Keusahawanan** yang terancang dan berstruktur serta memperkenalkan perubahan lensa pembangunan usahawan dalam era ekonomi digital. Pasca COVID-19, usahawan bumiputera didedahkan dengan aplikasi teknologi terkini ke arah **pendigitalan perniagaan**, di samping pembudayaan dan pengukuhan nilai tambah kepada produk dan perkhidmatan melalui **program pensijilan**. Inisiatif ini dapat membantu usahawan meluaskan pasaran perniagaan sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Setakat November 2021, seramai **14,375 usahawan** telah dibimbing oleh MARA yang melibatkan perbelanjaan berjumlah **RM18.04 juta**.

NO SOALAN: 13

Manakala bagi tahun 2022, MARA diperuntukkan sebanyak **RM22 juta** bagi tujuan ini yang akan memberi manfaat kepada lebih **7,820 usahawan** bumiputera dalam pelbagai sektor.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah pertambahan Tabika Perpaduan sepanjang tahun 2021 dan apakah usaha Kementerian dalam menggalakkan pendaftaran murid daripada pelbagai kaum dan tidak mengkhusus kepada satu kaum sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, terdapat sejumlah **1,781 buah Tabika Perpaduan** di seluruh negara yang menampung seramai **37,319 orang kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun**.
2. Pada tahun 2021, tiada pertambahan jumlah Tabika Perpaduan.
3. Kementerian Perpaduan Negara mengambil inisiatif memantapkan Tabika Perpaduan dengan membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** yang dilancarkan pada 24 Julai 2021.
4. Pelan ini menggariskan **enam (6) teras utama** iaitu:
 - i. Memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan;
 - ii. Memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP);
 - iii. Memantapkan profesionalisme dan kepakaran Guru;
 - iv. Memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan;
 - v. Mengukuhkan jalinan kerjasama Tabika Perpaduan bersama komuniti; dan
 - vi. Memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan melalui penubuhan **Unit Naziran**.

5. Antara **inisistaif baharu** yang diperkenalkan bagi menarik penyertaan murid pelbagai kaum adalah:

i. **Pengenalan Modul Pendidikan Penghayatan Rukun Negara.**

- Untuk memupuk semangat cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak.
- Penghasilan **buku khusus Pendidikan Rukun Negara**

ii. **Pengenalan Modul Asas Komunikasi Pelbagai Bahasa**

- **Bahasa Mandarin;**
- **Bahasa Tamil;**
- **Bahasa Kadazan di Negeri Sabah;**
- **Bahasa Iban di Negeri Sarawak; dan**
- **Bahasa Isyarat.**

iii. Penerapan kemahiran asas **Jom Urus Diri.**

Ini bagi memberi **pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah seperti pengurusan tempat tidur dan kemahiran berpakaian.** Pengajaran program Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

6. Manakala, bagi pembukaan sesebuah Tabika Perpaduan yang baru, Kementerian Perpaduan Negara telah **menambahbaik kriteria dan syarat penubuhan dengan menetapkan komposisi kaum sebagai kriteria utama.**

7. **Untuk itu, kaji selidik ke atas kecenderungan** ibu bapa berbilang kaum dalam komuniti turut dilaksanakan sebelum memutuskan penubuhan sesebuah Tabika Perpaduan **demi mengukur keperluan sebenar komuniti setempat.**

8. Langkah-langkah ini akan lebih menepati hasrat dan objektif penubuhan Tabika Perpaduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh jawatankuasa khas bersama Telekom Malaysia Bhd (TM) dalam mengenal pasti kawasan yang tiada liputan Internet atau capaian lemah bagi mengatasi masalah ketika pelaksanaan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak Kerajaan mengambil berat berkenaan isu pelaksanaan pendidikan dalam talian melalui proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Melalui pelaksanaan JENDELA, kesemua pemberi perkhidmatan termasuk Telekom Malaysia (TM) berbincang kaedah dan cara untuk mengatasi liputan terutama PdPR. Penambahbaikan untuk liputan ke kawasan berhampiran sekolah luar bandar dilaksanakan melalui projek *Point of Presence* (PoP) oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kini sedang melaksanakan pelan pembangunan infrastruktur komunikasi yang dinamakan **JENDELA** bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat dari aspek sosioekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Pelaksanaan pelan JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaik taraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA sehingga suku ketiga 2021 adalah seperti berikut:

- a. Penambahan sebanyak 1.76 juta premis daripada 4.96 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.71 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;

- b. Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25Mbps kepada 35.06Mbps;
- c. Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.39% di kawasan berpenduduk; dan
- d. Hampir 1 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan lebih 78,613 kapasiti rangkaian 3G telah ditutup untuk menambah baik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Menerusi pelan JENDELA juga, satu pengkalan data infrastruktur digital telah dibangunkan bagi menyediakan maklumat berkaitan status semasa infrastruktur digital dan tahap kesediaan sambungan infrastruktur digital kepada rakyat dan boleh diakses melalui laman web yang dinamakan Portal JENDELA. Portal JENDELA ini menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk memeriksa liputan rangkaian di kawasan mereka, menghantar maklum balas dan juga memohon perkhidmatan baharu daripada syarikat penyedia perkhidmatan masing-masing. Semua maklum balas yang dihantar melalui portal ini akan disalurkan kepada penyedia perkhidmatan yang berkaitan supaya dapat merancang penambahbaikan tahap kesalinghubungan kepada pengguna dalam masa terdekat. Secara tidak langsung, pelaksanaan portal ini akan dapat membantu dalam mengenal pasti kawasan-kawasan yang tiada liputan Internet atau capaian lemah bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan keperluan terhadap capaian Internet seperti aktiviti PdPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah jenis pekerjaan yang dilindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan langkah-langkah diambil pihak Kementerian bagi meningkat penyertaan skim terbabit terutama bagi sektor pertanian, perikanan dan perladangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mulai 1 Januari 2020 skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri telah diperluaskan kepada **19 sektor informal** yang lain iaitu Pengangkutan Barangan dan Makanan, Pertanian, Penternakan, Perhutanan, Perikanan, Makanan, Pembuatan, Pembinaan, Penjaja, Premis Penginapan, Perniagaan *Online*, Teknologi Maklumat, Pemprosesan Data, Ejen, Perkhidmatan Profesional, Perkhidmatan Sokongan, Kesenian, Perkhidmatan Isi Rumah, Penjagaan Perawatan dan Pemulihan Kesihatan.

Strategi dan usaha berterusan sentiasa dilaksanakan oleh Kementerian bagi meningkatkan penyertaan Orang Bekerja Sendiri di dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, terutamanya di sektor pertanian, perikanan dan perladangan.

Hasil daripada libat urus yang telah dijalankan, PERKESO telah melantik ejen korporat daripada agensi yang terlibat seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk orang bekerja sendiri dalam sektor perikanan mencarum di bawah Skim Keselamatan sosial pekerjaan Sendiri. Manakala bagi sektor pertanian, perbincangan bersama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan dimuktamadkan bagi pelantikan ejen korporat dan bagi sektor perladangan pula, satu persefahaman bagi melantik ejen korporat akan dimuktamadkan pada tahun hadapan.

Selain daripada itu, wakil daripada Agensi/Persatuan/Pertubuhan telah dilantik sebagai Ejen Korporat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti promosi, publisiti dan pemudah cara bagi tuntutan faedah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri selain melakukan aktiviti pungutan dan penerimaan bayaran caruman.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan kesedaran mencarum dengan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri turut mempergiatkan hebahan dan promosi dalam kalangan Orang Bekerja Sendiri. Inisiatif promosi yang dilaksanakan merentasi pelbagai platform termasuklah media arus perdana cetak dan eletronik, laman web, media sosial dan juga platform digital.

Selain memanfaatkan saluran berita, usaha menguar-uarkan bantuan faedah ini juga dibuat melalui pelbagai program majalah dan dokumentari, temubual dan wawancara, perkongsian kisah penerima faedah, infografik dan sebagainya. Usaha ini akan terus dipergiat bagi memastikan caruman skim perlindungan PERKESO dapat dipertingkatkan dan seterusnya melindungi individu yang terlibat dalam sektor informal termasuk pertanian, perikanan dan perladangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan dan strategi bagi memulihkan tumpuan aktiviti seni budaya dan kalendar tahunan sektor pelancongan 2022 supaya ia diselaraskan dengan ketetapan SOP dan mekanisma pencegahan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengambil kira prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam penganjuran aktiviti seni budaya. Elemen ini turut dipertimbangkan dalam rangka Pelan Pemulihan Pelancongan.
2. Sudah tentu, MOTAC meletakkan fokus kepada meningkatkan keyakinan awam untuk melancong dan menghidupkan aktiviti seni dan budaya sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu yang menitik beratkan keselamatan, kebersihan dan keselamatan kesihatan.
3. Inisiatif pendigitalan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan/ Agensi sedang dipergiatkan. Ini termasuk proses perniagaan menerusi aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar seperti pembayaran tanpa tunai, dan tempahan dalam talian, selaras dengan norma baharu.
4. Penganjuran acara kebudayaan bagi tahun 2022 telah dirancang dan sedang diteliti kesesuaiannya untuk diadakan dengan mengambil kira garis panduan yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa. MOTAC sememangnya komited dalam meneruskan usaha Kerajaan untuk bersama-sama memutuskan penularan COVID-19. Namun pada masa

NO SOALAN: 17

yang sama, pembangunan SOP untuk aktiviti kebudayaan dalam norma baharu boleh memberi peluang kepada para penggiat dan artis budaya untuk berkarya dan bekerja secara bersemuka.

5. Pendekatan pengisian program-program kalendar pelancongan negara adalah berteraskan konsep *Malaysia Truly Asia*. Program kebudayaan yang dianjurkan bertujuan untuk menggalakkan pelancong sepanjang tahun, meningkatkan kadar penginapan hotel di musim bukan puncak, menambahkan perbelanjaan pelancong di destinasi pelancongan, menggalakkan pelancong menginap lebih lama dan menjadualkan lawatan bersempena dengan acara-acara utama pelancongan negara.

6. Usaha-usaha sokongan pemasaran turut dijana dengan penerbitan risalah rasmi *Calendar of Events* yang menjadi panduan bagi pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa dan diedarkan di semua pameran antarabangsa serta platform digital di peringkat global.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah status penglibatan nelayan luar pantai dalam industri perikanan yang sangat lumayan seperti perusahaan perikanan Tuna di Lautan India dalam jagaan Indian Ocean Tuna Commission (IOTC). Apakah rancangan Kementerian dalam menjayakan usaha ini sebagai sumber makanan dan salah satu sumber pendapatan hasil eksport negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Perangkaan Perikanan 2020, bilangan keseluruhan nelayan adalah sebanyak 119,828 orang dan bilangan vesel yang terlibat 48,826 buah. Daripada jumlah tersebut, bilangan nelayan yang terlibat dengan perikanan laut dalam adalah sebanyak 70,697 orang dan jumlah vesel sebanyak 40,918 buah. Sub-sektor perikanan tangkapan yang merangkumi laut pantai dan laut dalam telah menyumbang sebanyak 77.3% daripada jumlah pengeluaran ikan negara bersamaan dengan 138 juta tan metrik dan bernilai RM10.10 billion.

Sehingga Oktober 2021, hasil pendaratan tuna Malaysia secara keseluruhan adalah 71,445 tan metrik dengan nilai RM637 juta. Hasil pendaratan daripada tuna oseanik menyumbang sebanyak 4,575 tan metrik, tuna neritik menyumbang sebanyak 52,762 tan metrik dan *tuna-like species* sebanyak 14,108 tan metrik.

Kerajaan menggalakkan sehingga 70 buah vesel penangkapan ikan tuna berbendera Malaysia beroperasi di Lautan Hindi menjelang tahun 2030. Ini adalah bagi membolehkan kuota pendaratan ikan tuna sebanyak 30 ribu tan oleh Malaysia di Lautan Hindi metrik tercapai. Sehingga November 2021, sebanyak 21 buah vesel tuna C3 iaitu 20 buah vesel penangkapan ikan tuna dan sebuah vesel *carrier* tuna telah dilesenkan dan beroperasi di Lautan Hindi.

NO SOALAN: 18

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM14 juta kepada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk menjalankan Projek Pembangunan Perikanan Komersil Laut Dalam dan Tuna bagi meningkatkan usaha pendaratan dan penglibatan pemain industri serta nilai tambah perikanan laut dalam dan tuna.

Bagi tahun 2022, Kerajaan memperuntukkan RM2 juta peruntukan pembangunan yang akan disalurkan kepada negeri-negeri untuk tujuan pembangunan laut dalam dan tuna. Program pembangunan yang dicadangkan adalah pembangunan payao (FAD) kepada nelayan tuna, bantuan peralatan pengendalian moden dan inovasi produk perikanan, latihan kepada kumpulan sasaran, kajian stok sumber tuna, promosi dan sebagainya. Dengan inisiatif ini, pengurusan dan kawalan perikanan komersial dapat dipertingkatkan, peningkatan kepada pematuhan antarabangsa, peningkatan fasiliti pendaratan dan pengendalian hasil perikanan serta peningkatan produk perikanan laut dalam dan tuna.

Antara perancangan strategi yang digariskan dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam memacu industri yang lumayan ini adalah seperti berikut:

- i. Menambahbaik Dasar dan Prosedur Operasi Piawai (SOP) Perikanan Tuna Zon C2 dan C3 selaras dengan keperluan Resolusi IOTC;
- ii. Mempertingkatkan pematuhan instrumen domestik dan antarabangsa;

NO SOALAN: 18

- iii. Menjalankan penyelidikan saintifik kemampunan stok sumber tuna domestik dan antarabangsa;
- iv. Mempergiatkan penggunaan teknologi moden perikanan tangkapan tuna;
- v. Membangunkan sistem pengurusan data operasi penangan tuna secara efisien;
- vi. Menambahbaik kawalan dan pemantauan operasi vesel penangkapan ikan tuna;
- vii. Membangunkan modal insan industri perikanan tuna;
- viii. Meningkatkan pengurusan dan pembangunan kemudahan di pelabuhan pendaratan tuna domestik dan antarabangsa;
- ix. Menggalakan kerjasama strategik dan pelaburan asing bagi pemasaran produk tuna; dan
- x. Membangunkan produk tuna melalui inovasi serta latihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Haji Aziz bin Ariffin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik seorang wakil daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sebagai Senator memandangkan ANGKASA telah ditubuhkan sejak tahun 1971 dengan jumlah keanggotaan sebanyak 10,437 koperasi dengan keahlian melebihi 6.5 juta.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara ringkasnya, ANGKASA telah didaftarkan pada 12 Mei 1971 di bawah Ordinan Koperatif 33 Tahun 1948 dan pada 23 Mei 1996, pihak Kerajaan telah mengisytiharkan ANGKASA sebagai badan yang mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga 30 November 2021, sejumlah 10,427 koperasi daripada 14,779 buah koperasi di Malaysia adalah merupakan anggota ANGKASA.

2. Matlamat penubuhan ANGKASA sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA (Pindaan 2010) ialah:-

- (i) menyatukan semua koperasi dalam Malaysia;
- (ii) mewakili Gerakan Koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- (iii) memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli khususnya dan Gerakan Koperasi amnya; dan
- (iv) memudahkan operasi koperasi ahli.

3. Kerajaan menyambut baik cadangan oleh Yang Berhormat Senator untuk melantik seorang wakil ANGKASA sebagai Senator. Walaubagaimanapun, penelitian sewajarnya perlu dijalankan bagi memastikan cadangan pelantikan ini mengambil kira asas pelantikan iaitu Ahli-ahli Dewan Negara hendaklah dilantik atau dipilih dalam kalangan mereka yang menyumbang khidmat yang cemerlang atau telah mencapai kecemerlangan dalam profesion masing-masing, dalam perdagangan, industri, pertanian, aktiviti kebudayaan atau perkhidmatan sosial atau merupakan wakil kumpulan bangsa minoriti ataupun berkebolehan menjaga kepentingan orang-orang asli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Mohd Hisamudin Bin Yahaya minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah sebenarnya nisbah (plot ratio) pembangunan berbanding keluasan tanah bagi bangunan-bangunan yang berada di Parlimen Bukit Bintang terutamanya yang membabitkan Kawasan Pusat Perniagaan (Central Business District)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Nisbah Plot adalah merupakan satu ukuran intensiti pembangunan yang dicadangkan berbanding dengan keluasan tanah (tapak).

Bahagian 1, Seksyen 2- Akta 267, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan, 1982 mendefinisikan nisbah plot sebagai " nisbah di antara jumlah luas lantai sesuatu bangunan dengan luas plot bangunan itu".

Nisbah plot bagi kawasan perdagangan di Bukit Bintang adalah berdasarkan ketetapan yang telah diwartakan di dalam Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) iaitu diantara 1:4 hingga 1:7.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan peralihan liputan rangkaian 5G ini akan memberi impak kepada masyarakat luar bandar yang merupakan golongan yang paling terkesan dalam penerimaan liputan internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, akses kepada internet merupakan perkara yang paling utama dalam perhatian pihak Kerajaan. Segala inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan adalah bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat di seluruh negara dari aspek sosio-ekonomi, pendidikan dan gaya hidup digital. Rangkaian gentian optik dan liputan perkhidmatan 4G yang meluas ini turut akan mengukuhkan asas rangkaian dan membantu mempercepatkan pelaksanaan 5G ke seluruh negara.

Teknologi mudah alih generasi kelima (5G) bakal merevolusikan pelbagai bidang industri dan mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dalam mendepani era digital. Teknologi 5G ini dijangka dapat menyediakan tahap kelajuan dan kebolehpercayaan internet lebih tinggi yang membolehkan pemindahan data yang lebih pantas berbanding teknologi generasi terdahulu (3G dan 4G), sekali gus membawa perubahan besar dan memberi manfaat kepada gaya hidup masyarakat di negara ini tidak kira di bandar mahupun masyarakat di luar bandar.

Pembangunan rangkaian 5G ini juga turut menyasarkan sehingga 80% kawasan berpenduduk akan mendapat liputan 5G dalam tempoh tiga (3) tahun iaitu pada penghujung tahun 2024. Malah ia mampu memberi nilai tambah sekali gus dapat menarik pelaburan dalam bidang-bidang teknologi tinggi, aeroangkasa, kimia dan produk kimia, mesin, peranti perubatan, elektrik dan elektronik. Pelaksanaan yang pantas ini sedikit

NO SOALAN: 21

sebanyak dapat mengurangkan risiko peluasan jurang digital dalam masyarakat selari dengan hasrat Kerajaan mendidik masyarakat celik IT.

Justeru, selain 5G memberi impak bukan sahaja kepada sektor perusahaan dan industri sahaja, ia turut akan memberikan memberi impak kepada sektor pendidikan dan perubatan. Justeru, pendekatan pelbagai sudut ini diambil Kerajaan bagi memastikan rakyat mempunyai akses internet yang berkualiti dan menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Juhanis Binti Abd Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tindakan Kementerian ke atas peniaga yang mengenakan dua kali cukai kepada pelanggan dengan mengenakan cukai SST dalam harga serta di hujung resit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan ke atas semua premis perniagaan di seluruh negara bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah selian kementerian, termasuklah premis kedai makan dan restoran. Pemeriksaan ini dijalankan secara berkala dan berterusan.

Kementerian juga melaksanakan Dasar Harga Terangkum bagi menangani isu pempameranan harga atau caj yang mengelirukan yang tertakluk kepada pelbagai caj tambahan. Melalui dasar ini, harga akhir yang dipaparkan untuk jualan merangkumi semua cukai, duti dan caj kerajaan serta semua caj lain yang hendak dikenakan terhadap sesuatu barangan atau perkhidmatan. Oleh yang demikian, harga yang dipaparkan adalah harga sebenar bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan.

Setiap peniaga di dalam menjalankan perniagaan yang ditetapkan di bawah Seksyen 10B Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 hendaklah mematuhi pelaksanaan Dasar Harga Terangkum. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan Seksyen 10B Akta 723 melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda dengan penalti am di bawah seksyen 57 Akta 723 iaitu:

NO SOALAN: 22

- i. Jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kali kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit; atau
- ii. Jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kali kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pengguna juga dinasihatkan untuk menyalurkan aduan yang lengkap termasuk bukti seperti resit, gambar dan alamat premis secara terus kepada pihak KPDNHEP supaya tindakan dapat diambil secara cepat dan efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan bagi pembinaan semula **Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak** yang didiami oleh 3,000 penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat empat (4) Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang iaitu PPR Taman Bagan Jaya, PPR Taman Manggis, PPR Tok Suboh dan PPR Mak Mandin. Kesemua PPR ini merangkumi 999 unit rumah dengan kos keseluruhan sebanyak RM85,357,569.28.
2. Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai status perancangan pembinaan semula PPR Pandang Tembak, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin memaklumkan bahawa projek PPR tersebut adalah merupakan projek PPR di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang (KNPP).
3. KPKT mengambil maklum berhubung keperluan pembinaan semula PPR Pandang Tembak. Namun, berdasarkan maklumat daripada KNPP, kos pembangunan semula PPR Pandang Tembak adalah amat besar memandangkan terdapat 2,833 unit milikan individu yang perlu diberi pampasan. Dalam hubungan ini, mana-mana tapak cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri untuk permohonan projek PPR kepada Kerajaan Persekutuan haruslah bebas dari sebarang halangan atau bebanan. Pembangunan semula ini juga perlu mengikut Garis Panduan Perancangan yang dikeluarkan oleh KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa).

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak KPKT sentiasa bersedia mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan PPR yang diterima daripada kerajaan negeri. Cadangan tersebut akan diteliti oleh KPKT tertakluk kepada keutamaan yang dicadang oleh kerajaan negeri, kesesuaian tapak dan keperluan penduduk setempat. Namun, kelulusan bagi projek-projek ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan tidak ada lagi kes kematian dalam tahanan berlaku dan apakah sebab-sebab kes kematian dalam tahanan ini berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Langkah-langkah yang diambil pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meminimalkan kes-kes kematian tahanan dalam lokap khususnya yang disebabkan oleh penyakit adalah dengan menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lebih ketat termasuk dalam menguruskan tahanan sakit, rondaan yang lebih kerap di sel pada waktu malam, penyediaan bilik rawatan, menyediakan pembantu perubatan serta penambahan kakitangan yang menguruskan tahanan.

Selain itu, pemasangan CCTV di semua lokap polis sedang dilaksanakan bagi mengatasi berlakunya kematian Orang Kena Tahan (OKT) di dalam tahanan. Di samping itu, pewujudan *Custodial Medical Unit* (CMU) di lima (5) Lokap Berpusat sedang dalam tindakan PDRM.

Sehingga 30 November 2021, sebanyak 17 kes kematian tahanan direkodkan di bawah jagaan PDRM dan berdasarkan hasil bedah siasat yang dijalankan mendapati di antara punca kematian adalah HIV (1 kes); serangan jantung (1 kes); pendarahan otak (1 kes); *blunt force trauma* (1 kes); dan lain-lain penyakit seperti ulser, penyakit usus, demam kuning, jangkitan paru-paru (13 kes).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ZULKIFLI MOHAMAD
AL-BAKRI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan jaminan Kerajaan untuk mengawal peningkatan harga rumah berikutan peningkatan harga besi baru-baru ini dan bagaimanakah langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang bagi membolehkan golongan B40 memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan harga rumah tidak meningkat berikutan peningkatan harga besi baru-baru ini.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius mengenai isu kenaikan harga rumah yang didorong oleh kenaikan harga material pembinaan seperti kenaikan harga besi, kenaikan kos tanah, kos bahan api serta caj-caj yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penyedia perkhidmatan utiliti. Namun, perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian. Pasaran rumah adalah pasaran terbuka dan tertakluk kepada penawaran dan permintaan (*supply and demand*).
3. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kenaikan kos bahan binaan seperti besi antara lain adalah disebabkan oleh penutupan kilang semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah menjejaskan operasi kilang dan seterusnya memberi kesan kepada pelaksanaan projek. Pembukaan semula ekonomi secara berperingkat di bawah Pelan Pemulihan Nasional membolehkan kilang beroperasi dan dijangkakan pengeluaran bahan tersebut dapat menstabilkan harga.

NO SOALAN: 25

4. Untuk membantu pihak pemaju perumahan swasta meneruskan pembinaan projek perumahan, Kementerian melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 19 (COVID-19) 2020 [Akta 829] telah memberikan pelanjutan tempoh pembinaan bagi menyiapkan projek perumahan yang tergendala semasa tempoh PKP. Ini secara tidak langsung telah membantu pemaju untuk mencari alternatif pembiayaan dan sumber bahan binaan yang lebih ekonomi dan kompetitif. Langkah ini juga adalah salah satu kaedah untuk mengelakkan projek daripada dihentikan dan akhirnya terbengkalai.

5. Dalam usaha Kerajaan membantu golongan B40 untuk memiliki rumah sendiri pula, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) Belanjawan 2022 telah memperuntukkan sejumlah RM2 bilion untuk Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang bertujuan memudahkan rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai dokumen pendapatan yang tetap untuk membeli rumah. Inisiatif ini dapat membuka ruang kepada golongan rentan seperti pekerja gig, usahawan kecil dan golongan petani untuk memiliki rumah. Insentif ini dapat memberikan manfaat kepada bakal pembeli rumah dan pada masa yang sama meningkatkan prestasi pasaran hartanah tempatan;

NO SOALAN: 25

- (ii) Kementerian akan mewujudkan Panel Pemikir (*Panel of Expert*, POE) bagi membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. POE juga akan menfokus kepada isu pembiayaan perumahan terutamanya bagi golongan muda;
- (iii) Kerajaan akan meneruskan inisiatif dalam penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni dan berkualiti di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sejumlah 500,000 unit RMM akan dibina dalam tempoh RMKe-12 bagi meningkatkan peluang kumpulan B40 dan juga M40 memiliki rumah;
- (iv) Program Perumahan Rakyat (PPR) akan disediakan secara berterusan. Program ini merupakan subsidi terbesar bagi pemilikan rumah awam kepada kumpulan B40. Terdapat dua (2) jenis PPR yang disediakan oleh Kerajaan iaitu PPR Dimiliki dan PPR Disewa. PPR Dimiliki merujuk kepada unit PPR yang dijual kepada pemohon yang berkelayakan manakala PPR Disewa ditawarkan kepada rakyat yang masih belum berkemampuan untuk memiliki kediaman sendiri. Kerajaan juga telah memperkenalkan Program PPR Sewa untuk Milik (*Rent to Own*)-bagi golongan yang tidak berkemampuan membeli rumah; dan

NO SOALAN: 25

- (v) Kerajaan komited untuk meneruskan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang juga terbukti memberi manfaat perumahan khusus kepada golongan B40 yang mempunyai tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran.
6. Seterusnya, antara langkah lain yang boleh diambil oleh Kerajaan dalam mengawal peningkatan harga rumah ialah pembangunan RMM di atas tanah kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini dapat membantu mengurangkan kos pemajuan khususnya di dalam pembangunan RMM kerana nilai kos tanah adalah lebih rendah disebabkan oleh ia boleh diberikan secara percuma atau berkadar nominal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana sistem pendidikan khas di sekolah kebangsaan mampu mencungkil serta menggilap potensi-potensi yang ada dalam diri setiap anak-anak berkeperluan khas yang mengikuti sistem pendidikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) melalui pelbagai program untuk mengembangkan bakat dan potensi mengikut keupayaan diri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi mengetengahkan bakat MBK, KPM bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS) melaksanakan Program i-Talent bagi mengenal pasti MBK yang cemerlang dalam bidang sukan untuk dilatih dalam bidang sukan paralimpik pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun 2021, seramai 9 orang MBK telah menyertai pertandingan *Asian Youth Para Games* di Bahrain pada 2 hingga 6 Disember 2021 dan memenangi 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa.

Dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, KPM turut menyediakan peluang kepada MBK untuk menyertai pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh pertandingan *Global ICT Challenge for Youth with Disabilities* (GITC) peringkat antarabangsa yang diadakan setiap tahun. Penyertaan Malaysia ke pertandingan GITC bermula sejak tahun 2014 telah berjaya memenangi beberapa pingat emas pada setiap tahun, kecuali pada tahun 2017 kerana tiada penyertaan. Pada tahun 2021, GITC telah disertai oleh

13 buah negara secara dalam talian dan seramai 165 MBK menyertai pertandingan tersebut dalam 5 jenis acara. Malaysia telah berjaya memenangi 6 pingat emas, 6 pingat perak dan 4 pingat gangsa.

KPM juga bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memastikan MBK juga mampu menguasai bidang agama. Sejak tahun 2008, pihak JAKIM melalui Darul Quran menyediakan 15 tempat khusus bagi MBK kurang upaya penglihatan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti sijil dan diploma tahfiz Al-Quran. Pengajian MBK ini mengambil masa selama tiga tahun dan ditaja sepenuhnya oleh pihak Darul Quran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status prestasi pembelajaran kesemua pelajar MRSM di Sarawak dan Sabah terutamanya di kawasan luar bandar yang mengalami masalah akses internet dan kekangan pembelajaran semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan / Pelan Pemulihan Negara (PKP/PPN) dan sejauh mana Bahagian Pendidikan Menengah MARA mengambil tindakan bagi memastikan prestasi pelajar SPM 2021 ini terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga tahun 2021, terdapat tiga (3) buah MRSM di Negeri Sarawak dengan jumlah pelajar seramai 1,790 orang dan empat (4) buah MRSM di Negeri Sabah dengan keseluruhan 2,268 orang pelajar. Secara demografik, bilangan pelajar B40 di MRSM di Negeri Sarawak ialah seramai 942 orang (53%), manakala di Negeri Sabah ialah seramai 1,133 orang (50%).

Prestasi pelajar MRSM di Negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan peperiksaan semester I yang lalu menunjukkan seramai 2,517 orang pelajar (80.7%) mendapat gred PNG melebihi 3.0 (Gred A) manakala 509 orang pelajar (16.3%) mendapat gred antara 2.0 - 2.99 (Gred B- hingga D). Peperiksaan tersebut telah dilaksanakan secara bersemuka dan juga secara dalam talian. Pelajar Tingkatan Satu dikecualikan mengambil Peperiksaan Semester 1 disebabkan baru mendaftar di MRSM.

Kajian pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR) menunjukkan bahawa peratus pelajar yang dapat mengikuti PdPR secara sepenuhnya adalah sebanyak 83% di Sabah dan 85% di Sarawak.

Terdapat sebahagian pelajar yang tidak dapat mengikut sepenuhnya PdPR atas sebab-sebab berikut:

- Masalah capaian internet/ wifi;

- Tidak mempunyai data plan yang mencukupi;
- Tiada peranti;
- Terpaksa berkongsi peranti;

Tindakan yang diambil oleh MARA bagi memastikan prestasi pelajar SPM 2021 terjamin adalah:

1. Membekalkan peranti kepada 41 orang pelajar B40 yang terpilih di Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Badan Pemuafakatan Pendidikan MARA Malaysia (Muafakat). Peranti tersebut juga dibekalkan dengan simkad dan data pelan internet Celcom;
2. Memantau perjalanan PdPR bagi setiap MRSM dan mendapat pelaporan daripada maktab secara berkala. Berdasarkan laporan, sekiranya terdapat isu tindakan intervensi akan dilaksanakan;
3. Mengadakan webinar subjek sebanyak 178 sesi yang menasaskan sebanyak 37,000 orang pelajar bagi semua tingkatan. Sesi webinar meliputi sesi bagi subjek SPM, subjek menengah rendah, hafazan dan program pembangunan pelajar;
4. Menyediakan himpunan video pengajaran mengikut subjek serta video amali sains di saluran YouTube@MRSMchannel, saluran Telegram subjek dan *cloud OneDrive* supaya mudah diakses oleh pelajar untuk mengulang kaji.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah pencegahan dan keberkesanannya mengatasi masalah pemerdagangan orang di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku peneraju Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang turut dianggotai 22 kementerian dan agensi sentiasa melaksanakan pelbagai bentuk tindakan bagi membanteras jenayah pemerdagangan orang selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670). Selain itu, MAPO juga sentiasa berkolaborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan juga pertubuhan antarabangsa bagi memastikan usaha membanteras jenayah ini dilaksanakan secara kolektif dan juga komprehensif.

Antara usaha dan hala tuju kerajaan bagi memperkasakan usaha membanteras pemerdagangan orang di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) **memuktamadkan cadangan pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007** yang memberi fokus kepada aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang dan pencegahan dengan meningkatkan hukuman yang dikenakan. Dalam hal ini, Rang Undang-Undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2021 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Disember 2021 dan akan dibentangkan di Dewan Negara pada 23 Disember 2021 untuk pertimbangan Dewan Negara;

- (ii) **memberi penekanan kepada tindakan penguatkuasaan dan perundangan yang lebih tegas dalam isu-isu pemerdagangan buruh** yang dikatakan berlaku di sektor ekonomi sebagai contoh sarung tangan getah dan perladangan sawit;
- (iii) **memperkasakan usaha dalam aspek pencegahan dan perlindungan mangsa pemerdagangan orang** melalui kerjasama erat dengan NGO, pihak industri serta mempergiatkan tindakan bersepadu antara agensi;
- (iv) **meningkatkan kapasiti, sumber dan kemahiran** anggota penguatkuasa, pasukan pendakwaraya, pegawai pelindung serta entiti khusus di kementerian dan jabatan yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar dan hal ehwal pengoperasian berkaitan pemerdagangan orang;
- (v) **menambah baik sistem dokumentasi dan pelaporan berkaitan warga asing serta pengurusan golongan berisiko** termasuk pekerja asing secara holistik bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja terutama pekerja asing dapat dilindungi; dan
- (vi) **melaksanakan sepenuhnya Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0)** bersama pemegang taruh yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bilangan rumah ibadat selain Islam mengikut agama yang direkodkan oleh Kementerian dan adakah ketua di setiap rumah ibadat ini diiktiraf oleh Kementerian melalui sijil pelantikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga kini, bilangan **Rumah Ibadat Selain Islam yang telah direkodkan adalah sebanyak 10,406** dengan pecahan agama seperti berikut:

| Bil | Jenis Rumah Ibadat | Bilangan |
|---------------|----------------------------------|-----------------|
| 1 | Buddha | 2,457 |
| 2 | Kristian | 3,400 |
| 3 | Hindu | 2,285 |
| 4 | Sikh | 81 |
| 5 | Tao | 1,992 |
| 6 | Bahai | 36 |
| 7 | Lain-lain (Confucianism / Pagan) | 57 |
| Jumlah | | 10,406 |

2. Kementerian Perpaduan Negara sedang **membangunkan Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam** daripada penyaluran maklumat daripada badan-badan agama atau pertubuhan selain Islam yang ada di Malaysia.
3. Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam ini akan mempunyai maklumat-maklumat asas seperti berikut:
- i. Nama Rumah Ibadat;
 - ii. Alamat Rumah Ibadat;

- iii. Nombor Telefon dan emel Rumah Ibadat; dan
- iv. Agama dan denominasi.

4. Sistem Pangkalan Data Rumah Ibadat Selain Islam ini adalah untuk kegunaan Kementerian bagi penyelarasan bantuan kewangan rumah ibadat selain Islam di negara ini.
5. Pelantikan ketua-ketua agama di Rumah Ibadat Selain Islam adalah melalui pemilihan dan di bawah penyelarasan rumah ibadat masing-masing.

MAKLUMAT TAMBAHAN

BILANGAN RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM MENGIKUT AGAMA DI MALAYSIA

| BIL | NEGERI | BUDDHA | KRISTIAN | HINDU | SIKH | TAO | BAHAI | LAIN-LAIN | JUMLAH |
|-----|-----------------|--------|----------|-------|------|-----|-------|-----------|--------------|
| 1 | Johor | 529 | 215 | 184 | 6 | - | - | - | 934 |
| 2 | Kedah | 200 | 15 | 148 | 2 | 3 | - | - | 368 |
| 3 | Kelantan | 67 | 22 | 17 | 3 | 17 | - | - | 126 |
| 4 | Melaka | 314 | 15 | 83 | 3 | - | - | - | 415 |
| 5 | Negeri Sembilan | 325 | 132 | 484 | 6 | 10 | - | 32 | 989 |
| 6 | Pahang | 87 | 21 | 77 | 6 | 63 | - | - | 254 |
| 7 | Perak | 220 | 81 | 513 | 27 | 542 | - | - | 1,383 |
| 8 | Perlis | 48 | 7 | 11 | 1 | - | - | - | 67 |

NO SOALAN: 29

| | | | | | | | | | |
|---|------------------|--------------|--------------|--------------|-----------|--------------|-----------|-----------|---------------|
| 9 | Pulau Pinang | 224 | 22 | 161 | 1 | 665 | - | 3 | 1,076 |
| 10 | Sabah | 10 | 383 | 5 | 4 | 6 | - | - | 408 |
| 11 | Sarawak | 153 | 2,289 | 7 | 3 | 145 | 36 | 10 | 2,643 |
| 12 | Selangor | 87 | 89 | 485 | 12 | 541 | - | - | 1,214 |
| 13 | Terengganu | 11 | 13 | 4 | - | - | - | - | 28 |
| 14 | W.P Kuala Lumpur | 266 | 80 | 104 | 6 | - | - | 12 | 468 |
| 15 | W.P Labuan | 13 | 16 | 1 | 1 | - | - | - | 31 |
| 16 | W.P Putrajaya | 1 | - | 1 | - | - | - | - | 2 |
| JUMLAH | | 2,555 | 3,400 | 2,285 | 81 | 1,992 | 36 | 57 | 10,406 |
| Nota: Lain-lain (Confucianism / Pagan) | | | | | | | | | |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) pasca pandemik serta jumlah belia yang telah mendapat manfaat daripada program ini sejak tahun 2020 hingga 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang perkembangan pelaksanaan Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) pasca pandemik dan jumlah belia yang telah mendapat manfaat daripada program kursus di ILKBS sejak tahun 2020 sehingga terkini.

KBS sentiasa komited untuk meneruskan agenda pemerksaan belia melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) melalui 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara. Pembangunan kemahiran belia di bawah KBS terutamanya melalui ILKBS adalah penting dalam menyokong fokus nasional terhadap TVET seperti yang digariskan dalam RMKe-12, dengan jangkaan bahawa lebih **55% pengambilan pelajar lepasan SPM mengikuti program TVET** serta **86.7% kadar kebolehpasaran graduan TVET menjelang tahun 2025**. Kementerian juga akan terus mengandakan usaha bagi memartabatkan TVET KBS melalui ILKBS sebagai pilihan utama belia di negara ini.

Untuk makluman, KBS melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap 1 hingga tahap 5 dalam Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan 14 bidang teknologi. Sejak tahun

1964 sehingga kini ILKBS telah melatih lebih 150,000 graduan di seluruh Malaysia. Pada tahun 2020 kesemua 22 buah ILKBS ini telah mempunyai jumlah enrolmen pelajar sebanyak 8,611 orang dan jumlah enrolmen pelajar terkini pada tahun 2021 adalah sebanyak 9,488 orang.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) pasca pandemik di ILKBS telah berjalan secara *camp-based training*. Pelajar mengikuti PdP secara hibrid mengikut kesesuaian. Pembelajaran secara atas talian menggunakan *web based* atau modul yang dibangunkan secara atas talian sejak awal tahun 2020 masih diteruskan berdasarkan kreativiti tenaga pengajar ILKBS. Untuk latihan amali dan aktiviti praktikal kemahiran, ianya telah dilaksanakan oleh ILKBS secara fizikal dengan pematuhan SOP pada Oktober tahun 2021. Sesi peperiksaan pula dilaksanakan secara hibrid di mana pegawai verifikasi dari luar ILKBS akan mengikuti dan menilai secara langsung (*live streaming*) dari dewan peperiksaan.

Bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan ILKBS dan menjadikan ILKBS sebagai pilihan utama majikan industri, KBS akan terus mengukuhkan kolaborasi dan kerjasama strategik bersama industri, agensi kerajaan serta persatuan alumni ILKBS Malaysia. Ini bagi mengoptimumkan sumber serta meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap kualiti graduan serta menjadikan ILKBS sebagai pusat rujukan dalam pelbagai aktiviti, sama ada bersifat teknikal, sosial dan ekonomi. Untuk itu, TVET KBS akan berusaha menyediakan ekosistem penawaran dan permintaan tenaga mahir secara menang-menang dengan pelbagai agensi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara perkara utama yang akan dilaksanakan adalah seperti;

NO SOALAN: 30

- i) memperkasa kolaborasi dan jalinan rentas kementerian dan agensi;
- ii) memperkasa kerjasama dan jalinan dengan industri dan alumni yang meliputi seluruh rangkaian pengeluaran dan rangkaian nilai; dan
- iii) pengantarabangsaan TVET ILKBS.

Sehingga kini KBS telah menjalin kerjasama strategik dengan 259 rakan strategik yang terdiri daripada industri dan agensi dalam pelbagai bidang.

Selain daripada itu, ILKBS turut menyediakan peluang latihan kepada golongan belia melalui program kemahiran berimpak tinggi. Contohnya program-program seperti Juruteknik Penyelenggaraan Rel, *Sheet Metal*, *5 Axis Machining*, *Intermediate health, safety, and environment (HSE)*, *Intermediate Scaffolding*, *Electronic Industrial Manufacturing*, Pengendalian Pemprosesan Ikan Tuna, Kimpalan, *Golf Service*, *Pipefitter*, Penyaman Udara, Pemasangan Jalur Lebar (Fiber Optik), *5G Transmission*, Operator Kren Menara, Semburan Cat Automotif dan *Green Technology Operation and Maintenance* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 dan 2021. KBS sentiasa memahami keperluan golongan belia bagi meningkatkan taraf hidup ekonomi belia susulan daripada pasca pandemik.

Selari dengan hasrat kerajaan membantu belia mendapat pekerjaan serta mengatasi isu belia yang menganggur, KBS telah melaksanakan pelbagai program bagi menyediakan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan. Antaranya seperti Program Bootcamp yang menyediakan peluang latihan kemahiran jangka pendek yang

dilaksanakan secara intensif bersama industri selama 1 hingga 3 bulan bagi melatih belia dalam bidang-bidang kemahiran tertentu yang diperlukan oleh industri semasa dengan penawaran penempatan pekerjaan. Belia yang menyertai program Bootcamp KBS ini akan menjalani latihan kemahiran dalam suasana pekerjaan sebenar dengan industri-industri berkaitan.

Selain itu, KBS bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama pertubuhan belia dan industri sedang melaksanakan Program *Skill for Youth* (S4Y) untuk memberi kemahiran asas dengan penempatan pekerjaan di industri kepada belia. Program ini mensasarkan 700 orang peserta dengan peruntukan RM1.05 juta melibatkan industri seperti Flex, Hartalega, Ichikoh, PTP Tanjung Pelepas dan Westports. Menerusi Program S4Y, peserta yang mengikuti latihan akan diterapkan kemahiran *hands-on*, nilai murni, kemahiran *soft skills* dan jati diri bagi memastikan para belia mempunyai ketahanan fizikal dan mental apabila berada di alam pekerjaan di industri.

KBS juga telah melaksanakan inisiatif TVETPRENEUR di ILKBS melalui pemerksaan ke atas Kurikulum Bidang Keusahawanan dan memperkenalkan aktiviti Inkubator, *Makerspace* dan Keusahawanan Digital bagi melengkapkan pengetahuan lepasan ILKBS dan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Melalui Pelan Jana Ekonomi Negara (PENJANA) pada tahun 2021, seramai 142 orang peserta telah mengikuti Program Inkubator menggunakan peruntukan sebanyak RM243,490.00. Seterusnya 92 orang peserta telah mengikuti program *Makerspace* Mybizhub@ILKBS menggunakan peruntukan sebanyak RM236,684.00. Manakala bagi program keusahawanan digital

di kalangan pelajar ILKBS pula, telah menghasilkan jualan sebanyak RM639, 849.48 sehingga Disember 2020. Pada tahun 2021, data jualan pelajar bagi program keusahawanan digital sehingga 31 Oktober 2021 adalah sebanyak RM1,097,114.30. Data jualan ini direkodkan dan dipantau melalui platform *Go eCommerce* yang dibangunkan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

KBS juga turut bekerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk melatih belia dalam bidang pertanian berteknologi tinggi serta membuka peluang penciptaan pekerjaan kepada golongan belia sebagai AGROPRENEUR. Bagi tahun 2021, KBS telah memperkenalkan Program MyFuture Agro@ILKBS di 14 buah ILKBS dalam 12 kursus seperti kilang tanaman, aquaponik, fertigasi cili, fertigasi rock melon, tanaman cendawan tiram kelabu, ternakan ikan dan lain-lain yang dilaksana berteraskan teknologi pintar. Melalui program ini, belia komuniti akan dilatih dengan teknik asas pertanian, teknologi pintar dalam pertanian, perancangan perniagaan dan pemasaran dengan kerjasama agensi MAFI serta rakan strategik industri. KBS mensasarkan 150 orang peserta melalui program ini yang melibatkan 14 ILKBS, iaitu IKTBN Sepang, IKTBN Bukit Mertajam, IKTBN Dusun Tua, IKTBN Chembong, IKBN Peretak, IKBN Kinarut, IKBN Kuala Langat, IKBN Miri, IKTBN Temerloh, IKBN Kuala Perlis, IKBN Naka, IKBN Jitra, IKTBN Bachok dan IKBN Bandar Penawar.

Selain daripada itu, KBS juga berusaha meningkatkan kualiti kurikulum latihan dengan pengenalan modul-modul baharu untuk melengkapkan ilmu dan kemahiran pelajar bagi mendepani cabaran Industri 4.0 negara susulan pasca pandemik. Antaranya adalah melalui penambahbaikan 13 *Written Instructional Material* (WIM) berdasarkan

perubahan *National Occupational Skill Standard* (NOSS) baharu, penambahbaikan modul subjek ICT dan lain-lain. Tambahan lagi, KBS juga sedang memperkasa penggunaan teknologi maklumat dan digital dengan menyediakan persekitaran Pendigitalan@ILKBS. Antaranya seperti:

- i. *Industrial Automation Trainer (I4.0 System)* di IKTBN Pagoh, Johor yang menggunakan *MPS Integrated System*.
- ii. IR4.0 di Jabatan Permesinan, IKTBN Pagoh Johor yang menggunakan *Virtual Informative Display Application (ViDA)*.
- iii. Projek IR4.0 di IKTBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang menggunakan aplikasi *E-learning, Augmented Reality (AR)* dan *Smart Meeting Room*.
- iv. Projek IR4.0 di IKBN Pekan, Pahang yang menggunakan *Pipeline Hydrostatic Pressure Integrated (Phypti) Training Kit, Robotics Toolbox Integrated System (RTIS)* dan *Zero Waste Management System (ZEWMAS)*.

Kebolehpasaran Graduan ILKBS pada tahun 2020 adalah pada kadar 90.94 peratus manakala kebolehpasaran graduan tahun 2021 sehingga kini adalah 91.43 peratus, meningkat sebanyak 0.49 peratus. Ini memberikan gambaran bahawa, belia TVET yang kompeten mampu mendapat sambutan baik dari kalangan industri. Kesemua usaha dan inisiatif susulan pasca pandemik yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui ILKBS diharap dapat membantu kerajaan dalam menghadapi isu pengangguran serta memperlengkapkan anak-anak muda untuk meningkatkan kemahiran TVET terutama digitalisasi seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan dasar memperkenalkan pembelajaran Perlembagaaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai satu mata pelajaran wajib di peringkat sekolah dan institutsi pengajian tinggi untuk meningkatkan kefahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dalam memastikan pengetahuan dan kefahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan dan penghayatan Rukun Negara diperkukuhkan dalam kalangan murid. Usaha ini dilaksanakan melalui pendidikan dalam beberapa mata pelajaran kurikulum mengikut tahap pembelajaran murid dan aktiviti kokurikulum di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pendidikan/kandungan mengenai Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara diterapkan dalam kurikulum Sejarah di sekolah rendah dalam mata pelajaran Sejarah Tahun 5 dan Tahun 6. Manakala di peringkat sekolah menengah pula, pendidikan tersebut dibincangkan dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Selain itu, elemen Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara juga diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dalam tema dan bidang tertentu di sekolah rendah dan sekolah menengah. Elemen tersebut turut diajar dalam pendidikan sivik melalui lima mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sejarah di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Bagi pendidikan lepasan menengah di institusi bawah KPM, kefahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun

Negara diterapkan dalam mata pelajaran Pengajian Am dan Sejarah. Di peringkat institut pendidikan guru pula, ilmu berkaitan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara merupakan sebahagian daripada kandungan dalam kursus wajib program pendidikan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM juga menerapkan elemen berkaitan Perlembagaan dan Rukun Negara dalam aktiviti di luar bilik darjah, iaitu melalui kegiatan kokurikulum. Untuk pelaksanaan ini, KPM bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah. Kelab ini ditubuhkan untuk melaksana pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid. Sehingga kini, sebanyak 3,443 KRN telah ditubuhkan di sekolah rendah manakala di sekolah menengah pula terdapat 1,409 KRN.

KPM yakin usaha yang dilaksanakan secara berterusan ini, dapat mempertingkatkan kesedaran murid terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas norma kehidupan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Juhanis Binti Abd Aziz minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah yang diguna pakai bagi mengawal harga rumah di bandar dan apakah usaha Kementerian untuk memastikan harga pasaran rumah di luar bandar kekal relevan seiring dengan pembangunan dan masa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai usaha Kementerian dalam mengawal harga rumah di bandar dan luar bandar.
2. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi belunggu kenaikan harga rumah, terutamanya di kawasan bandar. Kerajaan memandang serius mengenai isu kenaikan harga rumah yang didorong oleh kenaikan harga material pembinaan, kenaikan kos tanah, kos bahan api serta caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan utiliti. Namun, perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian. Pasaran rumah adalah pasaran terbuka dan tertakluk kepada penawaran dan permintaan (*supply and demand*).
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan standard pengukuran antarabangsa, harga rumah yang dianggap mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan pada RM211,428 kerana pendapatan isi rumah median negara ialah RM5,873. Walau bagaimanapun, harga rumah median sebenar ialah RM289,646 yang mana nilai ini melebihi kemampuan pendapatan purata isi rumah di Malaysia.

NO SOALAN: 32

4. Berdasarkan data ini, Kementerian telah mewujudkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) bagi memperkasakan perumahan mampu milik yang sistematik, mampan dan inklusif sebagai memenuhi tanggungjawab sosial untuk meningkatkan akses rumah kepada rakyat. Melalui DRMM, Kementerian mencadangkan agar setiap pemaju dapat mengambil kira harga Rumah Mampu Milik (RMM) yang dicadangkan berdasarkan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) setiap 2 tahun sekali.
5. Kementerian juga bercadang untuk memperkenalkan peraturan/ garis panduan kepada para pemaju perumahan untuk mengemukakan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) semasa memohon Kebenaran Merancang (KM). Hasil kajian ini dapat membantu mengelak daripada berlakunya sebarang pembangunan perumahan yang tidak relevan dengan permintaan pasaran dan akhirnya menyebabkan berlakunya masalah lebihan rumah yang tidak terjual.
6. KPKT juga sedang menjalankan Kajian Analisis Data Raya (Big Data Analytics; BDA) Perumahan mulai Februari 2021 bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor perumahan di Malaysia. Hasil kajian analisis data ini akan digunakan untuk pembangunan sistem yang berkaitan. Kajian ini bertujuan untuk membantu ke arah mengatasi hartanah siap yang tidak terjual dan seterusnya berupaya mengetahui kedudukan pasaran perumahan hartanah dengan lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor hartanah yang lestari dan efisien. Kajian ini turut dijadikan input bagi

NO SOALAN: 32

pembangunan platform pusat pengumpulan data hartanah yang meliputi permintaan dan penawaran serta membantu pihak Kerajaan dalam membuat keputusan di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam penyediaan dasar dan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD
RADZI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kegagalan Kementerian dalam mencapai pengambilan pekerja OKU 1% dalam sektor awam walaupun sudah 33 tahun diperkenalkan dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil utk mengatasi perkara ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2021, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah merekodkan sebanyak 4,628 permohonan calon OKU dan dari jumlah tersebut, 362 calon telah dipanggil temu duga dan seramai 50 orang yang telah berjaya menerima pelantikan (13.81% daripada yang hadir temu duga).
2. Antara faktor yang mempengaruhi pencapaian pengambilan calon OKU dan seterusnya menjayakan Dasar 1% OKU dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:
 - a. Bilangan calon OKU yang memohon kepada Pihak Berkuasa Melantik secara relatifnya adalah rendah;
 - b. Calon tidak melepasi tapisan syarat skim/tapisan Ketua Perkhidmatan sama ada di peringkat tapisan awal atau pun semasa temu duga. Manakala sebahagian calon yang telah melepasi syarat tapisan pula ada yang tidak hadir sesi temuduga;
 - c. Majikan dan calon OKU kurang cakna mengenai pepadanan kerja di antara kemampuan sebenar OKU dan pekerjaan yang sepadan;

- d. Kekurangan promosi di media cetak, media massa dan media sosial mengenai peluang pekerjaan OKU dalam sektor awam; dan
 - e. Kekurangan peruntukan untuk membina, menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur mesra OKU yang baik dan selesa di premis Kerajaan.
3. Antara tindakan yang telah diambil bagi menjayakan Dasar 1% OKU dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:
- a. Pekeliling Perkhidmatan Bil.16 Tahun 2010 (PP Bil. 16 2010) yang menekankan keperluan peranan *affirmative* yang perlu dimainkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Ketua Jabatan, Pihak Berkuasa Melantik dan Kementerian bagi mempercepat pencapaian pengisian OKU dalam perkhidmatan awam telah diperkenalkan;
 - b. Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang menerangkan perancangan Kerajaan dalam pembangunan OKU termasuk Dasar 1% OKU dalam perkhidmatan awam yang diketuai oleh KSU Kementerian Sumber Manusia (KSM);
 - c. Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan Orang Kurang Upaya Dalam Perkhidmatan Awam telah dibangunkan oleh JPA pada tahun 2019 melalui sesi libat urus dengan Pihak Berkuasa Melantik, Kementerian-Kementerian, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta

persatuan-persatuan OKU yang melaksanakan projek untuk mempromosikan pemerksaan OKU;

- d. Pelan ini menekankan kepentingan untuk meningkatkan kompetensi dan keupayaan golongan OKU, supaya lebih ramai yang memohon dan layak untuk mengisi jawatan dalam Perkhidmatan Awam. Pendekatan secara bersepadu antara pelbagai pihak adalah perlu bagi menjayakan Pelan ini; dan
 - e. Garis Panduan Pemandanan Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada OKU telah disediakan oleh KPWKM dengan mengambil kira status keupayaan OKU untuk disesuaikan dengan pengisian sesuatu jawatan (*job match*). Di bawah garis panduan tersebut, sebanyak 191 skim perkhidmatan mesra-OKU telah disenaraikan.
4. Tindakan yang akan diambil bagi menjayakan Dasar 1% OKU dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:
- a. Meningkatkan peranan Jawatankuasa Pekerjaan yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Sumber Manusia (KSM) di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU). Fokus utama adalah ke arah pembangunan kapasiti OKU dan bukan semata-mata untuk mencapai sasaran 1% OKU dalam sektor awam;
 - b. Meningkatkan kolaborasi antara Jabatan Pembangunan OKU (JPOKU) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) selaku institusi yang bertanggungjawab membangunkan OKU, untuk melaksanakan dan memantau inisiatif penambahbaikan yang

NO SOALAN: 33

disenaraikan di dalam Pelan Perancangan Bersepadu Penambahbaikan Penyertaan Orang Kurang Upaya Dalam Perkhidmatan Awam; dan

- c. Menjadikan Dasar 1% OKU sebagai salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat KSUKP bagi mendapatkan maklum balas dan memperkasakan governans daripada semua kementerian/jabatan/agensi berhubung kemajuan pengisian OKU dalam perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan rancangan untuk memartabatkan wanita yang berkebolehan daripada kaum Dayak untuk menerajui Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pencalonan dan pelantikan ALP bagi syarikat Kerajaan adalah berdasarkan kelayakan dan kepakaran dalam bidang-bidang seperti perdagangan, kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan atau kemahiran yang berkaitan dengan syarikat atau industri di mana syarikat beroperasi, dan bukannya berdasarkan faktor etnik atau gender semata-mata.

2. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan sentiasa mendokong seruan dan dasar Kerajaan supaya sektor korporat melaksanakan sekurang-kurangnya 30 peratus pengibatan wanita sebagai pembuat keputusan. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan akan berusaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam Lembaga Pengarah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan mengenal pasti calon-calon yang berkelayakan dan mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang seperti kewangan, perakaunan, undang-undang, pemasaran, pengurusan dan bidang tertentu yang berkaitan dengan syarikat untuk dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HJ BASHIR BIN HJ. ALIAS
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Hj. Bashir Bin Hj. Alias minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi membantu mempromosikan semula Labuan sebagai pusat pelancongan bagi memulihkan semula ekonomi Labuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memperuntukan sebanyak RM1.75 juta bagi Pembangunan Ecotourism Kina Benua, Labuan (Fasa 2) di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas. MOTAC juga sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan terutama sekali Perbadanan Labuan dalam mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan, termasuklah di kawasan Pulau Papan dan Pulau Rusukan Besar. Ini bagi memastikan produk pelancongan dapat dibangunkan dan dinaiktaraf dalam memberi manfaat kepada masyarakat tempatan dan juga pelancong.
2. Selain itu, MOTAC melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa bekerjasama dalam mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan. Promosi ini tidak terhad kepada pasaran domestik, malah turut dihebahkan kepada pasaran antarabangsa menerusi 30 buah pejabat Tourism Malaysia di luar negara.
3. Sebagai contoh, baru-baru ini Tourism Malaysia telah melancarkan pakej istimewa sempena kempen Cuti-Cuti Malaysia khas untuk penjawat awam dan pesara kerajaan, iaitu Pakej Cuti Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan.

NO SOALAN: 35

4. Bagi Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak 8 pakej yang ditawarkan oleh hotel dan operator pelancongan dan menawarkan harga yang berpatutan. Tourism Malaysia juga akan menggalakkan dan menarik minat lebih ramai agensi pelancongan, hotel dan pemilik produk pelancongan di Labuan untuk menawarkan lebih banyak pakej yang menarik.

5. Selain itu, Tourism Malaysia juga telah mengadakan lawatan media dari seluruh negara pada bulan Oktober 2021 yang lalu bagi memperkenalkan dan mempromosikan Labuan sebagai salah satu destinasi Geo Pelancongan. Program ini merupakan salah satu inisiatif untuk merangsang dan menyemarakkan sektor pelancongan domestik sejajar dengan usaha melaksanakan Pelan Eko-Pelancongan Negara 2.0 2020-2030 yang telah dibangunkan oleh MOTAC.

6. Pelbagai promosi lain turut dijalankan seperti penganjuran webinar, antaranya *Wanderlust Travel Stories – First Stop, Let's Rediscover Labuan*, promosi produk pelancongan sukan atau minat khas seperti *Revisit Golfing Destination & Leisure at Its Best (22 April 2021)* penawaran slot pengiklanan dan menerbitkan slot *Travelogue Mansau Ansau Sabah ke Labuan* dengan kerjasama RTM. Ini semua dilaksanakan bagi memaparkan keindahan dan tarikan produk pelancongan yang terdapat di Labuan.

7. MOTAC turut bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan juga negeri, seperti penganjuran *'My Destination Sabah & Labuan Sales Mission to Penang'* pada 2 Disember 2021 yang merupakan inisiatif bersama Tourism Malaysia dengan rakan-rakan strategik seperti

NO SOALAN: 35

Sabah Tourism Board (STB), Perbadanan Labuan, dan MATTA Sabah & Labuan Chapter.

8. Tourism Malaysia melalui pejabatnya di Brunei pula akan meneruskan usaha-usaha mempromosikan tempat-tempat tarikan pelancongan di Labuan kepada pelancong-pelancong Brunei, di antaranya:

- (i) Mengadakan promosi melalui webinar antara pengusaha produk pelancongan Labuan dan Perbadanan Labuan dengan agensi pelancongan di Brunei;
- (ii) Mempromosikan pakej Jom ke Sabah, Sarawak dan Labuan bersama agensi pelancongan yang aktif menjual pakej pelancongan ke Malaysia;
- (iii) Mengadakan lawatan suaikenal untuk agen pelancongan, badan korporat, persatuan dan media ke Labuan apabila sempadan negara di buka; dan
- (iv) Menjemput penggiat industri Labuan untuk menyertai acara pelancongan seperti Brunei Travel Fair dan Festival Malaysia pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tindakan yang diambil Kerajaan Persekutuan bagi memajukan sektor pelancongan domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, pelancongan domestik sememangnya menjadi tumpuan utama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam merangka strategi untuk Pelan Pemulihan Pelancongan Negara. Ini kerana mengambil kira sempadan negara yang masih belum dibuka sepenuhnya untuk menerima kehadiran pelancong. Pada masa yang sama, hasil pendapatan domestik yang tinggi yang ditunjukkan melalui data pada tahun-tahun sebelum penularan COVID-19 membuktikan tumpuan pada sektor pelancongan domestik adalah asas yang kukuh untuk industri ini bangkit semula.

2. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk merancakkan semula pelancongan domestik oleh MOTAC adalah:

- a. menawarkan pakej pelancongan yang lebih kreatif dan menarik melalui platform digital;
- b. menawarkan insentif dan promosi dalam bentuk baucar rebat, e-baucar, pulangan tunai melalui e-dompet dan potongan harga; dan
- c. mempromosikan keunikan destinasi pelancongan luar bandar atau 'hidden gems' sesuai dengan kehendak pelancong pada norma baharu yang cenderung memilih destinasi yang selamat dan kurang sesak.

NO SOALAN: 36

3. Antara insentif dan promosi yang ditawarkan menerusi kerjasama bersama persatuan-persatuan hotel, syarikat penerbangan dan persatuan syarikat pengendali pelancongan termasuklah:

- (i) baucar sehingga RM100 bagi pembelian pakej penginapan dan pakej membeli-belah;
- (ii) tawaran diskaun bagi tiket penerbangan sehala dan pergi balik; dan
- (iii) Baucar sebanyak RM100 bagi pakej-pakej pelancongan;

4. Pakej-pakej pelancongan turut dipromosikan menerusi kempen peringkat nasional contohnya Pakej Cuti Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan sempena kempen Cuti-Cuti Malaysia. Pakej ini menyasarkan 1.2 juta ahli CUEPACS dan 700,00 pesara Kerajaan untuk melancong di dalam negara yang sekaligus diharap dapat menyemarakkan kembali pelancongan domestik dan membantu mempercepat pemulihan pelancongan negara.

5. Selain itu, MOTAC turut bekerjasama dan menyokong inisiatif yang dijalankan oleh penggiat industri bagi mengembalikan keyakinan awam untuk melancong sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu seperti pematuhan kepada prosedur operasi standard di samping mengutamakan keselamatan, kebersihan dan keselamatan kesihatan.

NO SOALAN: 36

6. Antara inisiatif tersebut adalah pensijilan *Clean & Safe Malaysia* dengan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), dan Pensijilan *Travel Safe Alliance* (TSA) yang diperakui oleh *Bureau Veritas Certification Malaysia*, dengan kerjasama antara Persatuan Penganjur dan Pembekal Persidangan dan Pameran Malaysia (MACEOS), Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan Pengembaraan Malaysia (MATTA), dan syarikat penerbangan di bawah *Malaysia Aviation Group* (MAG).

7. Di samping, MOTAC turut memberi keutamaan kepada digitalisasi proses perniagaan menerusi aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar seperti pembayaran tanpa tunai, tempahan dalam talian, transaksi tanpa sentuhan, daftar masuk tanpa kontak dan promosi dan pemasaran secara dalam talian seperti www.malaysia.travel oleh Tourism Malaysia dan e-kraf bazar dan *MyCraftShoppe* oleh Kraftangan Malaysia.

8. MOTAC juga terus meneroka potensi pelaksanaan gelembung pelancongan untuk memulakan semula aktiviti pelancongan negara bermula dengan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik di Pulau Langkawi. Kejayaan Projek Rintis ini bermula 16 September 2021 telah menjadi penanda aras dan seterusnya mendorong keputusan Kerajaan untuk membenarkan rentas negeri pada 11 Oktober 2021 yang melibatkan pembukaan semula aktiviti pelancongan di seluruh negara.

9. Selain itu, tumpuan turut diberikan kepada pelancongan perniagaan menerusi promosi dan pemasaran negara sebagai destinasi penganjuran acara perniagaan atau MICE iaitu Mesyuarat, Lawatan Insentif Korporat, Konvensyen dan Pameran di kalangan rakyat tempatan mahu pun diperingkat antarabangsa oleh Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), sebuah lagi agensi di bawah MOTAC. Antara program yang dilaksanakan adalah kempen '*Meet In Malaysia*' yang bermula 24 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2022. Kempen ini memberi fokus kepada tiga inisiatif iaitu '*Let's Meet Locally*', '*Let's Meet Tomorrow*' dan '*Let's Meet Now*'.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah anggaran pecahan perbelanjaan bagi golongan B40 dan M40 dan simpanan baki setelah perbelanjaan itu bagi memastikan penyediaan bajet pada masa akan datang mampu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai konteks izinkan saya untuk berkongsi beberapa fakta berdasarkan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Kumpulan isi rumah B40 mempunyai pendapatan purata sebanyak 3,152 ringgit sebulan manakala M40 pula ialah 7,348 ringgit. Purata perbelanjaan isirumah B40 pula adalah sebanyak 2,480 ringgit sebulan sementara purata bagi isi rumah M40 ialah 4,540 ringgit. Isi rumah B40 membelanjakan 60.6% daripada jumlah perbelanjaannya ke atas empat item utama, iaitu perumahan, makanan, makanan di luar dan pengangkutan. Sementara M40 membelanjakan 68.8% ke atas empat item yang serupa. Mengambil kira statistik ini, lebih pendapatan bagi isi rumah B40 ialah 672 ringgit sebulan dan 2,808 ringgit bagi isi rumah M40. Namun begitu, sekiranya saiz isi rumah lebih besar, sudah tentu perbelanjaan meningkat dan lebih berkurangan jika pendapatan berkurangan.

Susulan pandemik COVID-19 yang melanda negara semenjak Mac 2020, penutupan ekonomi secara keseluruhan melalui pelaksanaan pelbagai tahap PKP telah mendesak golongan B40 dan M40 untuk menggunakan simpanan mereka, sekiranya ada, dalam menampung keperluan kehidupan seharian. Sebagai contoh, kemudahan pengeluaran simpanan KWSP dalam tempoh pandemik oleh ahli melalui pelbagai program telah merekodkan jumlah lebih dari 100 bilion ringgit. Akibat daripada ini, didapati bahawa lebih dari 70 peratus daripada ahli tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk bersara di bawah paras garis

kemiskinan. Daripada 15.1 juta jumlah ahli KWSP, seramai 6.1 juta ahli mempunyai baki simpanan kurang daripada 10 ribu ringgit, manakala seramai 3.6 juta ahli mempunyai baki kurang daripada satu ribu ringgit.

Tidak dinafikan, perkara ini amatlah membimbangkan. Kerajaan komited untuk melindungi kesejahteraan rakyat pada masa kini dan di masa depan. Ini adalah terutamanya dari segi kecukupan simpanan persaraan di hari tua bagi mengelakkan isu sosial yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2022 dijangka sebagai tahun pemulihan, di mana sektor ekonomi dijangka akan dibuka sepenuhnya. Oleh itu, di bawah Bajet 2022, Kerajaan akan memastikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan menjana pendapatan adalah lebih baik supaya golongan B40 dan M40 khususnya, dapat membina semula kehidupan dan mempunyai lebih pendapatan untuk kembali menyimpan bagi hari persaraan. Antaranya adalah melalui inisiatif JaminKerja, di mana sebanyak 600 ribu peluang pekerjaan baharu bakal diwujudkan dengan peruntukan berjumlah 4.8 bilion ringgit. Inisiatif ini penting supaya kadar pengangguran dapat diturunkan kepada 4 peratus menjelang penghujung 2022.

Pada masa yang sama, di bawah Bajet 2022 juga, Kerajaan komited untuk terus membantu golongan yang terjejas akibat COVID-19 bagi kedua-dua golongan B40 atau M40.

Bagi golongan B40, antara langkah yang diperkenalkan termasuklah:

NO SOALAN: 37

- Pertamanya, menambah baik bantuan tunai di bawah inisiatif Bantuan Keluarga Malaysia dengan peruntukan berjumlah 8.2 bilion ringgit dan dijangka memanfaatkan 9.6 juta penerima. Sebagai pembaharuan, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai anak tanggungan dan berpendapatan bulanan sehingga 5,000 ringgit akan menerima tambahan sebanyak 500 ringgit. Selain itu, bantuan tambahan sebanyak 300 ringgit lagi turut diberikan kepada isi rumah warga emas;
- Kedua, memastikan pendidikan berkualiti melalui peruntukan berjumlah 450 juta ringgit untuk Bantuan Awal Persekolahan. Melalui Bajet 2022, bantuan ini telah ditingkatkan sebanyak 50 ringgit, di mana Keluarga Malaysia yang layak akan menerima 150 ringgit untuk menampung keperluan sekolah;
- Ketiga, pemberian tablet kepada golongan siswa B40 yang melanjutkan pengajian tinggi melalui inisiatif PerantiSiswa. Inisiatif ini telah diperuntukkan 450 juta ringgit oleh Kerajaan, di mana syarikat telekomunikasi akan turut menyumbang sejumlah 65 juta ringgit bagi menjayakan program ini;
- Keempat, meningkatkan nilai baucar Perlindungan Tenang kepada 75 ringgit, di mana ini juga boleh digunakan untuk membeli polisi insurans motosikal;
- Kelima, meringankan kos perubatan dan kesihatan melalui perluasan skim MySalam kepada penerima BKM. Manfaat tuntutan kos peranti perubatan juga akan dipanjangkan kepada anak tanggungan penerima mySalam yang layak;

NO SOALAN: 37

- Keenam, mengedarkan kit asas kebersihan diri setiap bulan kepada 130 ribu remaja wanita secara percuma. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia, dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dan diperuntukkan 10 juta ringgit;
- Ketujuh, menyediakan subsidi pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak sebanyak 50 peratus atau sehingga 150 ringgit untuk menggalakkan penggunaan kerusi keselamatan di dalam kereta. Sejumlah 30 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini dan bakal memanfaatkan 188 ribu keluarga; dan
- Kelapan, pengkreditan e-tunai bernilai 150 ringgit secara *one-off* untuk golongan belia melalui Skim Transaksi Tanpa Tunai, atau *e-Start*.

Selanjutnya, **untuk golongan M40**, Bajet 2022 **telah menyediakan pelbagai pengecualian dan pelepasan cukai** yang bakal memberi penjimatan, dan pada masa yang sama, menggalakkan perbelanjaan demi merangsang ekonomi. Ini termasuklah:

-
- Pertama, tidak mengenakan cukai keuntungan harta tanah bagi pelupusan mulai tahun ke enam dan ke atas;
- Kedua, pengecualian cukai jualan kereta;
- Ketiga, pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi pembelian komputer, perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan kemahiran, pelancongan domestik dan lain lain; dan

NO SOALAN: 37

- Keempat, pengurangan kadar caruman minimum KWSP daripada 11 kepada 9 peratus turut dilanjutkan sehingga Jun 2022 sebagai usaha menambah wang dalam tangan.

Secara keseluruhan, kesemua pendekatan yang dilaksanakan Kerajaan mempunyai objektif yang sama, iaitu meringankan aliran tunai dan beban golongan B40 dan M40 tanpa mengira bangsa, agama dan kaum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan berapakah jumlah projek dan kos bagi membersih parit dan tali air, sungai bagi mengelakkan berlaku banjir di Johor terutamanya Parlimen Pontian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi perhatian secara khusus mengenai isu pembersihan dan mengoptimumkan kapasiti saluran / sungai sebagai langkah mitigasi jangka pendek melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri. Skop kerja yang terlibat di bawah program ini adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggara aset / struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir. Di bawah program ini, KASA membantu Kerajaan Negeri Johor dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM549,561.70 bagi melaksanakan sepuluh (10) kerja bagi mengurangkan risiko banjir di Negeri Johor.

2. Manakala di bawah butiran projek berskala kecil di bawah Inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) – Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir, sebanyak 12 kerja telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM826,000.00 untuk Parlimen Pontian. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 156 kerja dengan peruntukan sebanyak RM8.3 juta telah diperuntukan untuk Negeri Johor.

3. Untuk makluman YB Senator, bagi kerja-kerja penyelenggaraan tali air di kawasan saliran pertanian adalah diselenggara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah dengan menggunakan peruntukan kerajaan negeri mengikut Penubuhan Lembaga Saliran seperti tertera dalam Akta Kerja Saliran 1954. Peruntukan tambahan dari Kerajaan Persekutuan bagi penyelenggaraan infrastruktur tersebut juga boleh dipohon dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu industri pertahanan tempatan yang berpotensi berkembang lebih luas di peringkat sejagat selain berupaya mengurangkan kebergantungan terhadap teknologi asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk memperkasakan industri pertahanan dan keselamatan negara bagi memastikan aspirasi pertahanan berdikari Angkatan tentera Malaysia (ATM) tercapai, sekaligus menunjukkan peranan penting industri ini dalam menjamin kedaulatan negara.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan bagi menyokong pembangunan keupayaan industri ini, terutamanya melalui Program Kontrak Jangka Panjang Kementerian Pertahanan atau Dasar Kontraktorisasi serta beberapa kontrak pembinaan aset pertahanan yang dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat tempatan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini bagi menyokong kelangsungan syarikat serta usaha pembangunan keupayaan fasiliti serta kepakaran tenaga kerja syarikat pertahanan tempatan yang terlibat.

Kementerian Pertahanan juga turut memastikan syarikat tempatan menerima manfaat pemindahan teknologi dan kepakaran melalui program *Off-set* dan *Industrial Collaboration Program (ICP)* untuk semua kontrak yang memenuhi syarat pelaksanaan. Perkara ini adalah merupakan timbal balik kepada kontrak-kontrak bernilai tinggi Kementerian Pertahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Dasar dan

Garis Panduan Kolaborasi Industri oleh Kementerian Kewangan, bagi memangkin peningkatan keupayaan pemain industri yang terlibat.

Bahagian Industri Pertahanan (BIP), Kementerian Pertahanan juga secara berterusan memantau, membantu dan menangani isu-isu yang membelenggu pemain industri melalui pelbagai platform, antaranya adalah penggubalan dasar, menjalinkan kerjasama dengan kementerian/ agensi yang berkaitan, hubungan *bilateral*, penganjuran pameran pertahanan bertaraf antarabangsa, serta mewujudkan *one-stop centre* bagi memudahkan pihak industri.

BIP juga melaksanakan audit keupayaan pemain industri pertahanan dan keselamatan tempatan bagi mewujudkan pengkalan data keupayaan pemain industri mengikut sektor yang boleh dijadikan rujukan oleh semua pihak bagi tujuan perancangan perolehan, unjuran sumbangan ekonomi dan sebagainya. Data ini boleh dirujuk melalui portal MIDES yang sedia untuk diakses di alamat mides.mod.gov.my.

Kementerian Pertahanan juga giat menjalinkan kerjasama strategik bersama kementerian yang mempunyai peranan dan berupaya memberikan impak dalam usaha pemerikasaan industri ini. Jalinan kerjasama ini antaranya melibatkan kerjasama bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta beberapa kementerian lain adalah bagi meneroka insentif-insentif yang boleh disalurkan, serta mewujudkan ekosistem perniagaan yang terbaik kepada pemain industri tempatan.

Bagi memastikan pembangunan industri ini secara strategik, sebagaimana semua sedia maklum, Kementerian Pertahanan juga kini di fasa akhir dalam memformulasikan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN). Draf DIPKN dibangunkan dengan pelan libat urus menyeluruh yang selari dengan konsep *whole-of-government* dan *whole-of-society* seperti yang ditekankan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP). DIPKN menekankan 5 teras utama bagi pembangunan menyeluruh industri iaitu:

1. Pembangunan Modal Insan;
2. Pembangunan Teknologi;
3. Pembangunan Industri;
4. Ke Arah Pertahanan Berdikari; dan
5. Menembusi Pasaran Global

DIPKN akan memfokuskan pelaksanaan strategi yang diformulasikan bagi mengatasi isu-isu yang membelenggu industri ini serta pada masa yang sama menepati sasaran potensi yang mampu dicapai oleh sektor ini untuk tidak hanya menyokong keupayaan pertahanan berdikari negara, bahkan muncul sebagai sumber penjanaan teknologi dan ekonomi utama negara.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertahanan menyeru semua untuk memastikan strategi yang direncanakan melalui DIPKN dilaksanakan dengan jayanya bagi memastikan usaha memperkasakan industri pertahanan dan keselamatan Negara secara strategik terlaksana, demi menjamin kedaulatan negara yang tercinta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah status perancangan projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) yang dirancang akan dibina di Machang untuk menyelesaikan masalah air di Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dalam menyelesaikan masalah bekalan air di Kelantan, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk meneliti cadangan pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) di negeri Kelantan.

2. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan Kajian Pembangunan Sumber Air Negeri Kelantan. Kajian ini bertujuan menyediakan pelan jangka panjang sumber air Kelantan sehingga tahun 2050. Ianya antara lain akan menilai kemampuan sumber air di Negeri Kelantan dan seterusnya menyediakan pelan pembangunan sumber air melibatkan potensi cadangan pembinaan TAPS di beberapa kawasan yang sesuai bagi tujuan membekalkan sumber air yang mencukupi ke seluruh jajahan di utara Kelantan terutamanya Kota Bharu, Machang, Pasir Puteh, Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Tanah Merah.

3. Penilaian tender untuk kajian ini telah dimuktamadkan dan ianya dijangka akan bermula pada awal Januari depan dengan tempoh kajian selama 18 bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan strategik Kerajaan untuk membangunkan Tahfiz berasaskan kepada sistem pembelajaran TVET.

JAWAPAN

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menubuhkan Majlis TVET Negara (MTVET) bertujuan menambah baik penyelarasan ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara dalam usaha memastikan laluan TVET sebagai agenda nasional.
2. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) melalui Teras Ketiga juga bermatlamat untuk Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana yang turut memberi perhatian terhadap pendidikan TVET kepada pelajar tahfiz.
3. Sehubungan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui GIATMARA di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi mempromosi laluan pendidikan TVET kepada pelajar tahfiz dan menjadikan

institusi tahfiz sebagai Pusat Bertauliah (PB) program kemahiran yang diiktiraf oleh JPK.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak JPK telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) seperti Jahitan Pakaian, Ternakan, Automotif, Perkhidmatan Pembaikan Kenderaan Ringan, Penyenggaraan Motosikal, Sistem Komputer, Pembuatan Roti, Keselamatan Siber, Pembuatan Pastri, dan lain-lain. Manakala NOSS berkaitan pendidikan tahfiz turut dibangunkan antaranya Pengurusan Masjid, Pengurusan dan Pengajaran Tahfiz. Darul Quran JAKIM adalah antara Pusat Bertauliah yang diiktiraf oleh JPK dalam melaksanakan Program Pengurusan Tahfiz. JAKIM, Pihak Berkuasa Agama Negeri, JPK serta institusi TVET yang lain akan terus memperkukuh kerjasama bagi memberi penerangan, promosi dan meningkatkan penyertaan pelajar serta institusi tahfiz dalam program TVET.

5. Di samping itu, pihak Kerajaan menggalakkan institusi tahfiz mengadakan kerjasama strategik dengan institusi TVET seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Komuniti, GIATMARA dan lain-lain. Sebagai contoh, Yayasan Pendidikan Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat ADDIN Perak adalah antara institusi tahfiz yang melaksanakan program TVET seperti penyelenggaraan motosikal, pembinaan bangunan, penyelenggaraan peralatan penyaman udara, masakan, jahitan dan kemahiran kimpalan sama ada di peringkat sijil atau diploma.

NO SOALAN: 41

6. Pelaksanaan agenda ini akan terus diperkasakan melalui kerjasama strategik semua pihak pemegang taruh dan institusi tahfiz bagi melestarikan pendidikan tahfiz di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Razali Bin Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dakwaan bahawa Bajet 2022 berjumlah RM332.1 bilion yang terbesar pernah diperuntukkan dalam sejarah negara didakwa kurang memberi perhatian terhadap golongan berpendapatan menengah sederhana (M40).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tahun 2022 dianggap sebagai tahun pemulihan kita yang mana ekonomi akan dibuka semula sepenuhnya dengan pelaksanaan program vaksin yang lebih meluas. Oleh itu, rakyat boleh keluar semula mencari rezeki dan menjalani kehidupan dalam norma baharu pasca pandemik.

Suka untuk saya letakkan konteks di sini bahawa Bajet 2022 telah dirangka supaya ia memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Oleh itu, bantuan Kerajaan akan lebih bersasar dan tertumpu kepada golongan dan sektor yang masih terjejas. Bajet 2022 tidak pernah meminggirkan keperluan golongan M40. Bagi golongan B40, sememangnya Kerajaan akan terus menyediakan bantuan tunai langsung memandangkan golongan ini umumnya tidak membayar cukai pendapatan individu.

Manakala bagi golongan M40 pula, Bajet 2022 turut menyediakan pelbagai manfaat kepada golongan ini. Selaku pembayar cukai, **pelbagai bentuk pengecualian dan pelepasan cukai disediakan** yang bakal memberi penjimatan kepada mereka di samping pada masa yang sama, menggalakkan perbelanjaan demi merangsang semula ekonomi. Antaranya termasuklah tidak mengenakan cukai keuntungan harta tanah bagi pelupusan mulai tahun ke enam dan ke atas, pengecualian cukai jualan kereta, serta pelepasan khas cukai pendapatan individu bagi pembelian komputer, perbelanjaan menghadiri kursus peningkatan

kemahiran, pelancongan domestik dan lain lain. Hakikatnya, kedua-dua pendekatan akan mencapai objektif yang saya iaitu untuk menambah baik aliran tunai kepada golongan B40 dan M40, sekali gus meringankan beban kewangan yang dialami mereka.

Selain itu, di bawah Bajet 2022 juga, **pengurangan kadar caruman minimum KWSP daripada 11 kepada 9 peratus** turut dilanjutkan sehingga Jun 2022 sebagai usaha menambah wang dalam tangan bagi semua terutamanya kepada golongan M40.

PTPTN juga menyediakan kemudahan **diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN** sehingga 30 April 2022 yang dilihat memberi manfaat langsung kepada golongan M40 yang berkemampuan untuk membuat penyelesaian. Kepada peminjam yang ingin membuat penyelesaian penuh akan mendapat diskaun sebanyak 15 peratus, manakala diskaun 12 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh mana Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 mengetengahkan penerimgunaan teknologi dalam pertanian moden bagi meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kebergantungan terhadap import sekaligus mengangkat nama negara dalam *Global Food Security Index (GFSI)*.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) komited dalam mengetengahkan aspek teknologi yang merupakan antara pemangkin kepada usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik selain mengurangkan kebergantungan negara kepada import makanan.

Ini jelas diperlihatkan menerusi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN) yang mana Teras Strategik 1: Perluasan adaptasi teknologi memaparkan usaha untuk meningkatkan penggunaan mekanisasi dan automasi sistem makanan, khususnya pendigitalan. Antara inisiatif yang dirangka adalah galakan dari segi kemudahan pembiayaan bagi pemodenan vesel dan peralatan tangkapan, adaptasi pertanian pintar serta pemasaran secara digital. Ini termasuklah pelaksanaan program-program pembangunan kapasiti dan tawaran latihan penerimgunaan teknologi kepada pengeluar makanan.

Selain Pelan Tindakan DSMN, aspek teknologi turut ditekankan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui Teras Dasar 1: Mendukung Pemodenan dan Pertanian Pintar. Antara strategi yang telah digariskan adalah dengan meningkatkan penerimgunaan teknologi dan automasi dalam sektor agromakanan serta mempergiat program dan aktiviti inovasi untuk menyokong kemajuan agroteknologi. Ini termasuk memperkasa penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dan menyediakan ekosistem yang kondusif untuk R&D&C&I sebagai pemangkin pemodenan sektor agromakanan.

NO SOALAN: 43

Usaha-usaha yang dirancang ini bukan sahaja membantu meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem makanan negara, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan pendapatan pengeluar makanan dengan tanpa adanya penglibatan orang tengah, selain menambah nilai kepada sistem makanan menerusi penerapan elemen *traceability*.

MAFI melihat inisiatif yang dirancang di bawah Pelan Tindakan DSMN secara tidak langsung mampu menaikkan imej dan kedudukan sekuriti makanan negara ke tahap yang lebih baik dalam *Global Food Security Index* (GFSI) pada tahun-tahun seterusnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini pemberian peranti untuk pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memberikan yang terbaik dalam aspek pendidikan generasi pewaris negara. Berkenaan penyediaan peranti untuk pembelajaran dan pengajaran (PdP), KPM akan menyediakan peralatan ICT meliputi 75,354 unit komputer riba, 3,804 unit pencetak, 3,800 unit projektor dan 3,228 unit *charging cart* bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran di makmal komputer sekolah, termasuk bagi menggantikan peralatan ICT yang usang. Peralatan ICT ini dijangka akan diedarkan ke sekolah terlibat bermula Mac 2022.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021. Tabung CERDIK adalah satu inisiatif pemberian peranti digital lengkap dengan pelan data kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. Tabung CERDIK merupakan satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC). Kesemua 150,000 peranti digital di bawah inisiatif ini telah selesai diagihkan kepada murid B40 terpilih pada 29 Oktober 2021.

KPM juga telah menubuhkan Yayasan Didik Negara (YDN) pada 5 Julai 2021 sebagai badan rasmi yang bertanggungjawab

NO SOALAN: 44

menggabungkan kerjasama dan komitmen pelbagai lapisan masyarakat yang berhasrat untuk menyalurkan sumbangan kepada kumpulan sasar, iaitu murid, warga pendidikan, sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM. Sehingga kini, YDN telah bekerjasama dengan Yayasan AEON Malaysia untuk menyalurkan sumbangan 4,000 unit peranti digital lengkap dengan pelan data kepada murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah terpilih di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik bagi status lucut hak Orang Yang Layak dan Sesuai berkenaan hak penjagaan seseorang kanak-kanak dan nyatakan apakah faktor-faktor utama yang mendorong kepada perlucutan hak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil berat terhadap isu kanak-kanak dalam jagaan orang yang layak dan sesuai. Berdasarkan tafsiran di bawah Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai) 2009, orang yang layak dan sesuai ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Mahkamah yang berupaya dan sesuai untuk memberi pemeliharaan dan perlindungan, perlindungan dan pemulihan serta pengawasan terhadap seseorang kanak-kanak

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021, sebanyak **enam belas (16)** kes telah dibatalkan perintah Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) atau dilucutkan hak oleh Mahkamah Bagi Kanak-kanak.

Antara faktor yang mendorong kepada pembatalan perintah dan perlucutan hak terhadap jagaan OYLS kepada kanak-kanak adalah:

- 1) OYLS telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu sebanyak 6 kes;
- 2) OYLS telah meninggal dunia sebanyak 3 kes;
- 3) Kanak-kanak dikembalikan kepada ibu kandung sebanyak 4 kes;
- 4) Pembatalan Borang 13 atau di bawah Seksyen 35 Akta Kanak-kanak 2001 sebanyak 1 kes;
- 5) Kanak-kanak telah melalui proses pengangkatan 1 kes;

6) OYLS tidak berkemampuan sebanyak 1 kes.

Sebagai sokongan kepada Akta Kanak-kanak 2001 serta menyantuni isu kebajikan kanak-kanak dan OYLS, beberapa Peraturan telah dibangunkan iaitu:

- i. Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai) 2009 [*P.U.(A) 100/2009*];
- ii. Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai (Pindaan) 2017 [*P.U.(A) 288/2017*]; dan
- iii. Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017 – [*P.U.(A) 287/2017*]

Selain itu juga, JKM telah mengeluarkan Garis Panduan Pemeliharaan Kanak-Kanak dalam Jagaan Orang Yang Layak dan Sesuai sebagai rujukan tambahan serta pengendalian kes kanak-kanak kepada OYLS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh setiap Jabatan Pelajaran Negeri bagi memastikan tidak berlaku keciciran maklumat kepada Pegawai Pelajaran Daerah, Pengetua, Guru Besar dan guru-guru, khasnya di sekolah yang ada murid Orang Asli dan juga sekolah pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan memastikan setiap maklumat berkaitan pendidikan dan pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM, khususnya di sekolah Orang Asli dan pedalaman disampaikan dengan tepat, cepat dan efisien.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM menyalurkan maklumat melalui beberapa kaedah antaranya siaran media, media sosial, surat siaran dan surat pemakluman. Penyaluran maklumat yang perlu disampaikan dengan cepat akan dibuat melalui hebahan segera. Surat siaran dan surat pemakluman disalurkan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) yang kemudiannya dipanjangkan kepada pejabat pendidikan daerah (PPD). Pegawai di peringkat KPM atau JPN akan mengadakan mesyuarat dan sesi libat urus kepada pegawai pendidikan daerah, pengetua, guru besar dan guru bagi memberikan penerangan yang lebih terperinci mengenai maklumat yang dihebahkan.

Tindak susul dan pemantauan secara berkala dilaksanakan bagi memastikan keciciran maklumat tidak berlaku. Kaji selidik melalui *Google Form* dilaksanakan bagi memastikan kefahaman yang lebih jelas dalam kalangan pegawai pelajaran daerah, pengetua, guru besar dan guru. Berdasarkan dapatan daripada kaji selidik tersebut, pihak JPN akan mengenal pasti isu yang dihadapi dan merancang langkah intervensi serta pelan mitigasi berfokus berdasarkan keperluan bagi menyelesaikan

NO SOALAN: 46

isu terutama berkaitan arahan, dasar dan peraturan yang telah dihebahkan.

KPM komited untuk memastikan semua pihak yang berkepentingan mendapat akses maklumat yang terkini dalam melaksanakan pengoperasian institusi pendidikan KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 21 DISEMBER 202

Dr. Ahmad Azam Bin Hamzah minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk pemuliharaan bangunan terbiar di dalam kawasan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia mempunyai dasar-dasar berkaitan pemuliharaan bangunan terbiar di dalam bandar yang terkandung di dalam dasar-dasar utama negara seperti Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2) dan Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN Ke-4).
2. Selain itu, KPKT melalui PLANMalaysia juga sedang menyediakan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (GPP PSB) yang akan digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pemaju hartanah dan pihak berkepentingan lain yang ingin membangunkan semula kawasan penempatan yang terpinggir, usang dan tidak lagi ekonomik di kawasan bandar.
3. Garis panduan ini menggariskan 4 jenis pembaharuan semula bandar (*urban renewal*) seperti berikut: -
 - i. Pembangunan Semula Bandar (*Urban Redevelopment*);
 - ii. Penjanaan Semula Bandar (*Urban Regeneration*);
 - iii. Penyegaran Semula Bandar (*Urban Revitalisation*); dan
 - iv. Pemeliharaan Semula Bandar (*Urban Conservation*).

4. Setiap jenis pembaharuan semula bandar mempunyai definisi yang berbeza-beza namun mempunyai tujuan yang sama iaitu mentransformasikan bandar yang tidak ekonomik, usang, terbiar dan suram ke arah bandar mampan dan sejahtera dari segi fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar.
5. Pemuliharaan bangunan terbiar merupakan salah satu skop di bawah penjanaaan semula bandar (*urban regeneration*) yang memfokuskan **kepada pemulihan sesuatu tapak yang lama, usang dan terbengkalai melalui pembinaan bangunan baharu atau penyediaan kemudahan dan infrastruktur tanpa memusnahkan keseluruhan reka bentuk, susun atur atau fungsi kawasan tersebut.** Pembangunan ini akan menjana semula aktiviti di kawasan tersebut sama ada dari segi ekonomi, sosial atau persekitaran.
6. Draf GPP ini juga turut mencadangkan aspek tadbir urus pembaharuan semula bandar yang perlu dilaksanakan di peringkat negeri di samping mencadangkan insentif-insentif yang boleh dipertimbangkan bagi menggalakkan pembaharuan semula bandar termasuk aspek pemuliharaan bangunan terbiar.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bangunan terbiar termasuk dalam kategori “brownfield” sepertimana definisi di dalam Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian bagi Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield* iaitu ‘*kawasan yang telah dibangunkan tetapi ditinggalkan atau terbiar atau mempunyai struktur pembangunan yang usang atau kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai. Tanah kawasan brownfield ini juga termasuk tanah kerajaan atau tanah persendirian.*’

Di dalam DPN 2 telah mengenal pasti dua (2) tindakan yang perlu dilaksanakan iaitu :-

- i) **Mengenal Pasti Tapak-Tapak Yang Sesuai dan Kawasan Brownfield Dalam Bandar Yang Boleh Dibangunkan Untuk Projek Perumahan Mampu Milik** – Sehubungan itu, kerajaan memberi tumpuan untuk mengukuhkan tindakan ini dalam konteks pembangunan perumahan untuk rakyat di kawasan *brownfield* yang dikenalpasti.
- ii) **Mewujudkan Pangkalan Data Yang Mengandungi Maklumat-Maklumat Kawasan Brownfield** – Melalui pangkalan data ini, kawasan *brownfield* dapat dikenalpasti dan boleh dirancang terutama melalui kaedah pembangunan semula agar dapat mencapai tahap perancangan penggunaan tanah yang lebih ekonomik.

NO SOALAN: 47

RFN Ke-4 turut memberi penekanan kepada pemuliharaan bangunan terbiar di dalam kawasan bandar, iaitu di bawah Teras 2 - Kemampanan Spatial dan Daya Tahan perubahan Iklim melalui Strategi KD 1.2 Mengutamakan Pembaharuan Semula Bandar Di Kawasan Sedia Ada. Ini adalah kerana kawasan-kawasan yang menjalankan aktiviti tidak ekonomik atau mengalami kemerosotan daripada aspek ekonomi fizikal, persekitaran dan sosial memerlukan pembaharuan semula bandar dilakukan bagi mengekalkan imej, daya huni dan produktiviti sesebuah bandar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Hee minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam membawa masuk lebih ramai pelabur ke dalam negara dan sejauh manakah langkah tersebut memberi faedah kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia merupakan antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.

Dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing, Malaysia telah menyasarkan untuk menarik pelaburan yang terpilih bagi memastikan pelaburan asing yang masuk ke dalam negara adalah pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan Malaysia berada di atas landasan yang kukuh bukan sahaja dalam menangani isu dan cabaran sosioekonomi semasa akibat pandemik COVID-19, tetapi juga untuk mencapai pertumbuhan ekonomi jangka panjang yang mampan. Bagi tujuan ini, antara langkah-langkah yang akan terus dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk menarik pelaburan ke dalam negara adalah seperti berikut:

- i. Pakej Pengecualian Cukai Istimewa telah diperkenalkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi menggalakkan syarikat asing memindahkan (*relocate*) operasinya

ke Malaysia ataupun menjalankan pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa. Butiran berkaitan Pakej ini adalah seperti berikut:

- a. pengecualian cukai sepenuhnya selama 10 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dengan pelaburan harta tetap antara RM300 juta hingga RM500 juta;
 - b. pengecualian cukai sepenuhnya selama 15 tahun untuk pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dengan pelaburan harta tetap melebihi RM500 juta; dan
 - c. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% selama 5 tahun bagi syarikat tempatan yang memindahkan fasiliti pengilangan luar negara balik ke Malaysia dengan pelaburan harta tetap melebihi RM300 juta.
- ii. Pakej Pengecualian Cukai Istimewa bagi Pengeluar Produk Farmaseutikal termasuk vaksin telah diperkenalkan di bawah Belanjawan 2021 untuk menarik pelaburan ke dalam sektor ini. Di bawah Pakej ini, syarikat baharu dan sedia ada di Malaysia akan menikmati:
- a. kadar cukai 0% hingga 10% selama 10 tahun; dan
 - b. kadar cukai 10% untuk 10 tahun berikutnya

- iii. Penubuhan *Digital Investment Office* (DIO) pada 22 April 2021 menerusi usaha sama MIDA dan MDEC sebagai sebuah platform tunggal untuk menyelaraskan, menilai, memberi khidmat nasihat dan memudahkan cara pelaburan digital (asing dan domestik) di negara ini. Menerusi DIO, proses pelaburan dapat dipercepatkan di mana strategi pelaburan di antara pihak berkepentingan akan diselaraskan untuk memutuskan lokasi terbaik, ketersediaan pakej insentif cukai, dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pelaburan digital.

- iv. Inisiatif Unit Penyelarasan Kemajuan Projek (*Project Acceleration and Coordination Unit – PACU*) yang dilancarkan pada tahun 2020 untuk menawarkan fasilitasi menyeluruh (*end-to-end facilitation*) kepada projek-projek yang diluluskan bagi memastikan pelaksanaan projek pelaburan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Operasi PACU disokong melalui sistem interaktif digital, *Implementation Tracking and Monitoring System* (ITMS) yang memantau pelaksanaan projek secara *real-time* dan membolehkan para pelabur melaporkan status semasa serta berhubung secara langsung dengan pegawai PACU untuk khidmat sokongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada langkah-langkah yang telah dijalankan, bagi tempoh Januari sehingga September 2021, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi bagi tempoh ini yang bernilai RM177.8 bilion, menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak 51.5% berbanding jumlah pelaburan yang diluluskan bagi tempoh sama tahun lalu iaitu RM117.4 bilion. Antara projek-projek *high economic complexity* yang telah berjaya dibawa masuk ke Malaysia adalah Intel, Porsche, Mercedes-Benz, SK Nexilis, Taiyo Yuden, Microsoft dan AT&S.

Peningkatan prestasi pelaburan pada suku tahun ketiga 2021 ini menunjukkan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan utama meskipun Malaysia masih berdepan dengan cabaran akibat pandemik. Secara kesimpulannya, meskipun pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap pelaburan global, MITI bersama-sama agensi di bawahnya akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai langkah strategik dan proaktif bagi memastikan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi dibawa masuk selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, memperluas rangkaian domestik dan mewujudkan ekosistem pelaburan dan perniagaan yang kondusif dan dinamik, di samping menjana ekonomi mampan pasca COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KE EMPAT,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang menolak permohonan Kerajaan untuk membatalkan keputusan terdahulu untuk memberikan taraf kewarganegaraan buat kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu yang mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Perlembagaan Persekutuan pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan serta peraturan imigresen.

Sementara itu, sebagaimana yang telah dimaklumkan dalam sesi penggulungan yang lepas, Kementerian telah mengambil keputusan untuk merayu dan memohon *stay of execution* (iaitu penangguhan pelaksanaan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Suriani Kempe & 6 lagi - lawan-Kerajaan Malaysia) bagi mengelakkan *contempt of court* dan pada masa yang sama supaya tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan.

NO SOALAN: 49

Permohonan penangguhan pelaksanaan perintah mahkamah (*stay of execution*) telah didengar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 15 November 2021 yang mana Mahkamah telah menolak permohonan tersebut. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara telah memfailkan *fresh application for stay* bersama Perakuan Segera (*Certificate of Urgency*) di Mahkamah Rayuan pada 16 November 2021, bertujuan menangguhkan pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi.

Pihak Kementerian juga telah menyatakan komitmen untuk mengkaji dan menetapkan polisi baharu berkenaan isu tersebut. Walau bagaimanapun, perkara ini perlu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja (MRR) terlebih dahulu selaras dengan Perkara 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Ahmad bin Yahaya minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sejauh manakah penglibatan usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) khususnya daripada Kedah dalam inisiatif pendigitalan perdagangan di bawah Pelan Halatuju Strategik eDagang Nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan atau *National e-Commerce Strategic Roadmap* (NESR 1.0) bagi tahun pelaksanaan dari 2016 hingga 2020 dan NESR 2.0 bagi tahun pelaksanaan dari 2021 hingga 2025, MEDAC telah dipertanggungjawabkan untuk meneraju Teras Strategik 1 iaitu Adaptasi e-Dagang Secara Efektif.

2. Sejak NESR 1.0 dilancarkan pada tahun 2016 dan NESR 2.0 diluluskan pada April 2021, sebanyak 725,285 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) telah dilaporkan menerima guna e-dagang dalam perniagaan.

3. Seramai 410,591 usahawan juga telah dilatih dengan latihan berkaitan e-dagang melalui pelbagai program yang dilaksanakan merentasi Kementerian dan Agensi termasuk kerjasama dengan pihak swasta. Daripada jumlah ini, seramai 33,246 atau 8.14 peratus usahawan daripada negeri Kedah telah menerima latihan berkaitan e-dagang melalui program-program di bawah Pelan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KE EMPAT,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD
ARIP
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tegas oleh Kementerian yang berkesan bagi membasmi judi dalam talian :-(a) bagaimana data-data peribadi khususnya nombor telefon pengguna boleh diperolehi oleh syarikat judi dan adakah syarikat syarikat telco juga telah terlibat bersubahat dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan yang telah diambil dan dirancang oleh pihak PDRM termasuklah:

1. Mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui Op Dadu termasuklah operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini;
2. Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Sek. 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia;
3. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian;
4. Mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah

NO SOALAN: 51

peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001; dan

5. Meneliti undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (*online*). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa. Untuk makluman Yang Berhormat juga pindaan akta di bawah Kementerian Kewangan berkaitan hukuman berat dan penalti yang dikenakan kepada operator/penganjur yang tidak dilesenkan dan pemain/punters bagi tujuan membanteras aktiviti perjudian yang tidak dilesenkan dijangka akan dibentangkan pada tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak PDRM, mendapati syarikat-syarikat judi memperolehi nombor telefon peribadi pengguna melalui kaedah *phishing* iaitu pendaftaran dan pengisian butir-butir peribadi seseorang di laman-laman sesawang/aplikasi yang seolah-olah sah, namun sebenarnya bertujuan untuk mengumpul data peribadi secara tidak sah. Sindiket perjudian juga menggunakan aplikasi untuk menghantar iklan

NO SOALAN: 51

perjudian melalui pesanan ringkas (*short messaging system*, SMS) dengan menggunakan 'SMS Blaster'. Aplikasi ini membolehkan penghantaran SMS yang banyak kepada nombor-nombor telefon yang dipilih secara rawak. Aplikasi ini juga mudah untuk diperolehi melalui jualan atas talian dengan harga jualan yang mampu untuk dibeli oleh mana-mana individu iaitu sekitar RM1,500.00 hingga RM7,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kekangan sistem sokongan untuk memastikan para pensyarah tidak berhadapan dengan masalah kemurungan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat prihatin terhadap kebajikan warga KPT termasuk golongan pensyarah yang berhadapan dengan masalah kemurungan yang secara kolektifnya boleh memberi kesan kepada kesihatan mental yang serius.

Dalam hubungan ini, melalui penubuhan Unit di bawah Program Psikologi di KPT/ Jabatan/ Agensi, tindakan proaktif telah dilaksana bagi memastikan warga KPT yang terkesan mendapat sistem sokongan apabila berhadapan dengan isu kemurungan dan kesihatan mental. Antara fungsi Unit Psikologi yang ditubuhkan di peringkat KPT/ Jabatan/ Agensi adalah merancang, menyelaraskan, menyelia dan melaksanakan pengurusan perkhidmatan psikologi serta kaunseling.

Dalam hal ini, seramai 301 orang Pegawai Psikologi yang merupakan barisan hadapan dalam menyediakan sokongan emosi di peringkat Kementerian, Politeknik, Kolej Komuniti dan Universiti Awam telah memainkan peranan besar dalam menyediakan perkhidmatan psikologi kepada kumpulan sasaran. Selain itu, Pembimbing Rakan Perkhidmatan Awam (AKRAB) juga turut menyediakan bantuan dan sokongan psikologi.

Bagi tahun 2021, KPT telah melaksanakan sebanyak 6 Klinik Kaunseling dengan penyertaan sebanyak 717 orang peserta. Di samping itu, Bengkel Pengupayaan Kendiri yang diadakan turut menarik penyertaan sebanyak

230 orang pegawai. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan isu-isu tekanan yang boleh membawa kepada masalah kesihatan mental.

Dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasaran, KPT juga telah menyediakan sebanyak 14 program latihan kompetensi kepada Pegawai Psikologi pada tahun 2021 yang telah disertai oleh 3,928 orang. Antara objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kompetensi Pegawai Psikologi dalam mengenal pasti kesihatan mental dan kemahiran dalam mengurus kesihatan mental warga kerja organisasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KE EMPAT,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan strategik jangka masa panjang yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah lama membelenggu negara kita sejak sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia memperhalusi Pelan Holistik Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sebagai strategi untuk mengatasi permasalahan PATI di negara ini secara lebih komprehensif dengan kerjasama antara pelbagai Kementerian dan Agensi. Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini merupakan strategi penguatkuasaan yang komprehensif untuk mengatasi permasalahan kebanjiran PATI di negara ini dengan melibatkan kerjasama secara strategik antara pelbagai kementerian dan agensi. Objektif pelan ini adalah mewujudkan satu ekosistem yang tidak selesa kepada PATI dalam meneruskan kehidupan seharian mereka melalui pendekatan mendaya upaya agensi penguatkuasa dan kawal selia sedia ada termasuk meningkatkan kerjasama strategik dan kesedaran masyarakat setempat.

Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini menggariskan pelan tindakan atau strategi membanteras PATI berdasarkan lima (5) strategi atau fokus utama iaitu:

- (i) Strategi Perundangan dan Dasar Penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan penggubalan undang-undang dan penyelarasan dasar berkaitan penguatkuasaan PATI;

NO SOALAN: 53

- (ii) Strategi Kawalan Sempadan dan Pintu Masuk yang menggariskan pelan pelaksanaan pemantauan kawalan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara;
- (iii) Strategi Pengurusan Pekerja Asing yang menggariskan pelan penyelarasan dasar berkaitan pekerja asing;
- (iv) Strategi Operasi Penguatkuasaan PATI yang menggariskan pelan pelaksanaan berkaitan operasi penguatkuasaan membanteras PATI di seluruh negara; dan
- (v) Strategi Media dan Publisiti yang menggariskan pelan pelaporan media, publisiti dan program kesedaran berkaitan PATI.

Strategi-strategi yang digariskan dalam Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI ini berlunaskan bidang-bidang fokus yang dikenal pasti bersesuaian dengan peranan agensi-agensi yang terlibat dan dibangunkan bagi memberikan impak signifikan ke arah peningkatan imej penyampaian perkhidmatan awam terutamanya pasukan penguatkuasaan.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia dengan kerjasama agensi penguatkuasa lain terutamanya Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia akan terus menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti menjadi tumpuan warganegara asing. Jabatan Imigresen Malaysia juga akan turut melibatkan Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jawatankuasa Pembangunan dan

NO SOALAN: 53

Keselamatan Kampung (JPKK)/Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta persatuan penduduk dalam menyalurkan maklumat keberadaan PATI dalam menangani masalah PATI secara holistik.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan dan juga tegas bagi menangani masalah banjiriran warga asing di negara ini. Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, bermula 1 Januari sehingga 24 November 2021, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan 4,426 operasi penguatkuasaan melibatkan tangkapan 10,648 orang PATI daripada pelbagai negara atas pelbagai kesalahan imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Razali Bin Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kaedah yang digunakan oleh Kementerian untuk memantau pemberian elaun khas kepada kakitangannya yang menganggotai Jawatankuasa Kesiapsiagaan Pengurusan Krisis COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah memberikan Elaun Khas COVID-19 kepada anggota kesihatan sebanyak RM400 sebulan mulai Mac 2020 dan telah dinaikkan kepada RM600 sebulan mulai April 2020. Pemberian elaun ini masih diteruskan sehingga kini.
2. Pemberian Elaun Khas COVID-19 ini merupakan satu pemberian elaun tambahan oleh Kerajaan bagi menghargai petugas barisan hadapan yang secara langsung terdedah kepada risiko jangkitan semasa melaksanakan tugas dalam usaha menangani dan membendung pandemik COVID-19.
3. Elaun Khas COVID-19 turut diberikan kepada pegawai yang menganggotai pasukan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) bagi merancang, memantau dan mengkoordinasi pelan tindakan dalam menangani dan membendung wabak COVID-19. Pegawai yang diarahkan bertugas di CPRC boleh dibayar Elaun Khas COVID-19 mengikut bilangan hari bertugas. Bagi pegawai yang bertugas 15 hari dan lebih dalam sebulan, pegawai layak dibayar pada kadar RM600 sebulan, manakala pegawai yang bertugas kurang daripada 15 hari pula layak menerima sebanyak RM300 sebulan.

NO SOALAN: 54

4. Elaun khas ini juga terpakai kepada jawatankuasa yang mempunyai fungsi yang sama seperti CPRC.
5. Dalam memastikan peraturan pembayaran adalah teratur, Ketua Jabatan perlu memastikan penjadualan kerja yang munasabah dan berpatutan. Ketua Jabatan turut diberi penurunan kuasa (*empowerment*) bagi mengenal pasti secara menyeluruh dan mengeluarkan arahan kepada anggota kesihatan yang perlu dilibatkan secara langsung dalam rangkaian pengurusan wabak COVID-19 di peringkat jabatan masing-masing.
6. Kaedah pembayaran Elaun Khas COVID-19 juga telah ditambah baik dengan mengambil kira pandangan daripada Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung di lapangan. KKM juga sentiasa memantau isu berbangkit mengenai Elaun Khas COVID-19 dari semasa ke semasa, termasuk mewujudkan e-mel khas (elauncovid@moh.gov.my) bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan mengurus Kerajaan, yang terus meningkat tahun ke tahun dan kini berjumlah RM 233.5 bilion atau kira-kira 70% peratus daripada RM332.1 bilion yang diperuntukkan untuk Belanjawan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbelanjaan Mengurus (atau OE) secara perundangannya harus dibiayai sepenuhnya daripada hasil selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, jumlah perbelanjaan mengurus tahunan bergantung kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan.

Tidak dinafikan komitmen tahunan OE semakin meningkat setiap tahun. Bagi tahun 2022, sebanyak 37% dari jumlah 233.5 bilion ringgit adalah perbelanjaan emolumen, 18% merupakan perbelanjaan khidmat hutang, 12% merupakan perbelanjaan pencen dan sebanyak 7% merupakan perbelanjaan berkaitan subsidi, bantuan atau insentif kepada rakyat.

Ini bermakna lebih 74% perbelanjaan OE merupakan perbelanjaan yang bersifat komited atau wajib disediakan setiap tahun. Ini tidak termasuk komitmen Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri melalui pemberian khas tahunan serta item-item bersifat kontraktual yang memerlukan peruntukan disediakan secukupnya setiap tahun.

Justeru, Kerajaan sedang mengkaji pendekatan baharu bagi mengawal kenaikan OE dan mengoptimalkan penggunaannya. Antaranya:

- Pertama, merasionalisasikan sebahagian subsidi, bantuan dan insentif agar lebih bersasar dan mengurangkan ketirisan; dan
- Kedua, menyemak semula pencapaian Kementerian melalui pendekatan *Outcome Based Budgeting* agar dapat mengurangkan

pertindahan fungsi dan program serta menerapkan elemen tukar ganti bagi mana-mana program baharu dengan program-program lama bagi mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan.

Selain itu, Kerajaan komited untuk mencari hasil alternatif dan mempertimbangkan pelbagai pilihan lain yang sedikit sebanyak akan mengurangkan pergantungan kepada cukai langsung dan meluaskan asas hasil. Perkara ini akan diperincikan melalui Akta Tanggungjawab Fiskal yang akan dibentangkan tahun depan yang juga akan merangkumi Strategi Hasil Jangka Sederhana yang akan menggariskan langkah-langkah peningkatan hasil, kajian semula perundangan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah rumah perlindungan yang telah diwujudkan di setiap negeri bagi membantu golongan mangsa keganasan rumah tangga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai usaha untuk mencegah dan membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Untuk makluman, rumah perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga yang diuruskan oleh kementerian ini adalah seperti berikut:

- (i) Rumah Perlindungan yang dikenali sebagai **Tempat Selamat** mengikut Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga [Akta 521];
 - a. Tempat Selamat ialah mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud Akta ini.
 - b. Pada masa ini terdapat **42 buah Tempat Selamat** yang diluluskan oleh Menteri di bawah Akta 521 di seluruh negara iaitu **35** dikendalikan oleh Kerajaan dan **7** dikendalikan oleh NGO.
 - c. Senarai Tempat Selamat ini tidak boleh didedahkan kepada orang awam atas faktor keselamatan kepada mangsa yang diberi perlindungan. Mangsa yang ingin mendapatkan

perlindungan di Tempat Selamat boleh menghubungi atau datang ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di mana mangsa tinggal.

- (ii) Rumah Perlindungan yang dikenali sebagai **Tempat Berlindung** mengikut Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga [Akta 521];
- a. Mana-mana rumah, institusi atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemunya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu.
 - b. Tempat berlindung yang telah disediakan pada ketika ini adalah seperti berikut:
 - i. Dua (2) buah Rumah Perlindungan Khas Wanita di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diuruskan oleh JPW telah dijadikan sebagai tempat berlindung untuk mangsa keganasan rumah tangga (KRT). Tempat tersebut terletak di Kelantan dan Sabah.
 - c. **Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)** dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan **pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid.**
 - i. Dua (2) buah masjid dipilih sebagai perintis iaitu Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al Ghufuran Pinggiran Taman Tun Dr. Ismail serta 12 buah masjid lagi telah dijadikan sebagai pusat aduan bagi kes KRT.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menangani isu penipuan atas talian yang semakin menjadi-jadi ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kes-kes penipuan telekomunikasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah seperti Belian Online, Pinjaman Tidak Wujud, Pelaburan, *African Scam*, *Macau Scam* dan *Business Email Compromise* (BEC) yang menyebabkan kerugian yang besar kepada mangsa.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh PDRM dalam mengekang sindiket penipuan seperti ini termasuklah dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang, pengoperasian, tangkapan dan seterusnya menjalankan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam penipuan.

Di antara langkah-langkah lain yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis termasuklah:

1. Permohonan kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKMM) untuk meminta menurunkan iklan-iklan haram berkaitan penipuan online ini;
2. Mewujudkan platform akaun Facebook "*Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police*" untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai skim pelaburan tidak wujud ini. Satu portal juga telah dibangunkan oleh PDRM bagi memudahkan orang awam untuk

NO SOALAN: 57

membuat semakan nombor telefon sindiket ataupun akaun-akaun bank yang digunakan oleh sindiket dalam urusan penipuan. Portal tersebut boleh dicapai melalui pautan <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule> dan ianya boleh dimuatnaik dengan menggunakan telefon mudah alih;

3. Mewujudkan *CCID Scam Respond Center* di talian 0326101559 atau 0326101599 di mana orang ramai boleh membuat panggilan untuk mendapatkan maklumat dan menyemak kesahihan panggilan bagi sebarang transaksi yang meragukan. Talian ini beroperasi dari jam 09.00 pagi hingga 10.00 malam pada setiap hari;
4. Mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) bagi tujuan pembekuan dan pelucuthakan wang dari akaun sindiket juga diambil oleh pihak PDRM. Bagi mana-mana suspek yang tidak cukup keterangan untuk dituduh di mahkamah, mereka akan dikenakan tindakan dibawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA); dan
5. PDRM telah melancarkan kempen Pencegahan Jenayah Dalam Talian yang telah dirasmikan pelancarannya pada tarikh 8 November 2021 di Berjaya Time Square, Kuala Lumpur. Sepanjang tempoh kempen berbagai program akan dilaksanakan termasuk syarahan, taklimat, forum, siaran media, pameran dan *life talk* di media sosial, radio dan TV.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Datuk John Ambrose minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kaedah yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan pelaburan-pelaburan yang masuk ke dalam negara adalah berkualiti tinggi dan mampu membantu menjana ekonomi berimpak tinggi pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (*National Committee on Investments* – NCI) telah ditubuhkan di bawah MIDA bermula Mei 2010 sebagai platform tunggal untuk meluluskan pelaburan yang dibawa masuk dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan tertentu di Malaysia. Objektif utama NCI adalah untuk mempertimbangkan cadangan projek-projek pelaburan di Malaysia dan membuat keputusan dalam masa nyata (*real-time*). Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Kewangan (MOF) dan ahli-ahlinya terdiri dari agensi utama Kerajaan yang berkenaan.

NCI telah diperkasakan sebagai jawatankuasa tunggal untuk meluluskan permohonan insentif di peringkat nasional yang melibatkan semua agensi-agensi penggalakan pelaburan di seluruh Malaysia, selaras dengan peranan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara.

Dalam memastikan projek-projek pelaburan yang dibawa masuk ini adalah berkualiti tinggi dan akan menyumbang kepada pembangunan ekosistem pelaburan terutamanya untuk menjana ekonomi berimpak tinggi pasca COVID-19, NCI telah menetapkan syarat-syarat tertentu bagi setiap kelulusan. Syarat-syarat tersebut meliputi, antara lain, pelaburan harta tetap, perbelanjaan operasi tahunan, nilai ditambah bagi keluaran/ aktiviti syarikat serta jumlah kakitangan di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Selain itu, bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, NCI juga turut menetapkan syarat jumlah guna tenaga sepenuh bagi rakyat Malaysia sekurang-kurangnya 80 peratus bagi sektor pembuatan. NCI turut menetapkan syarat kolaborasi di antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi atau penyelidikan tempatan untuk projek-projek tertentu bagi menggalakkan pemindahan teknologi dan penjanaan bakat tempatan berkemahiran tinggi.

Mulai tahun 2012, NCI telah mengguna pakai pendekatan Analisis Kos-Faedah (*Cost-Benefit Analysis – CBA*) sebagai mekanisme penilaian permohonan kelulusan insentif fiskal dan bukan fiskal. Pendekatan ini telah ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaburan yang diluluskan adalah benar-benar berkualiti terutamanya projek yang diluluskan insentif cukai dan geran. Mekanisme ini berperanan untuk menentukan kuantum dan tempoh insentif bagi sesuatu projek serta parameter untuk menilai tahap kualiti sesuatu projek pelaburan. Indikator bagi projek berkualiti adalah projek yang berintensifkan modal, pengetahuan, teknologi dan bernilai tambah tinggi serta menyumbang kepada kesan limpahan (*spin-off effects*) yang tinggi kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pendekatan CBA, aspek kuantitatif dan kualitatif sesuatu projek adalah dikenalpasti secara bersama untuk menganalisa unjuran nilai sesuatu projek kepada ekonomi secara lebih menyeluruh dan realistik. Sebanyak 25 indikator meliputi 14 indikator kuantitatif dan 11 indikator kualitatif digunakan bagi menganalisa unjuran tersebut.

Bagi terus mengukuhkan kedudukan negara sebagai destinasi yang lebih menarik bagi menjalankan perniagaan di kalangan pelabur tempatan dan asing, pada 21 April 2021, Jemaah Menteri telah bersetuju meluluskan dasar pelaburan baharu negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspiration* - NIA), diterajui oleh MITI, yang berperanan sebagai kerangka untuk merencanakan lagi landskap pelaburan negara serta meningkatkan daya saing dalam tempoh jangka panjang.

Pembaharuan kepada agenda pelaburan ini melibatkan lima (5) teras utama iaitu, meningkatkan *economic complexity*; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rangkaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman.

MITI akan sentiasa dan terus bekerjasama dengan pelbagai pemegang taruh termasuk sektor swasta untuk melaksanakan pembaharuan yang komprehensif berpandukan 5 teras Aspirasi Pelaburan Nasional. MITI antara lain akan memberi tumpuan kepada sektor yang memiliki potensi ekonomi yang signifikan dan lestari dalam jangka masa panjang, dengan penekanan yang lebih terhadap elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environment, Social and Governance* - ESG).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah pencapaian Agensi Nuklear Malaysia yang signifikan setakat ini dan apakah jumlah bajet diperuntukkan kepada agensi pada Bajet 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Fungsi utama Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah menjalankan penyelidikan dan mempromosi penggunaan tenaga nuklear secara aman. Ini meliputi pelbagai sektor iaitu perubatan, pertanian, industri, alam sekitar, pembuatan dan keselamatan nuklear.

Nuklear Malaysia mempunyai kepakaran dan keupayaan luas dalam aplikasi Sains dan Teknologi Nuklear untuk pelbagai bidang. Antaranya ialah:

1. **Dalam bidang pertanian dan agromakanan**, Nuklear Malaysia berjaya menghasilkan pelbagai variasi benih baru tanaman menggunakan teknik mutasi aruhan (*mutation breeding*). Kejayaan terkini adalah penghasilan benih padi berkualiti tinggi yang dinamakan IS21. Benih baru padi ini mampu meningkatkan produktiviti padi dengan anggaran hasil tuaian 40-67% bergantung kepada kawasan tanaman dan amalan kultura petani. Benih padi IS21 ini juga telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan kepada Industri Padi dan Beras sebagai benih padi sah negara dan telah dimasukkan ke dalam skim subsidi padi negara.
2. **Dalam pembangunan kaedah pengurusan pertanian cekap (*precision agriculture*)**, teknologi nuklear juga diaplikasikan bagi penghasilan teknik pencirian kesuburan tanah dan pengurusan air,

teknologi ramalan cuaca mikro, sistem pemantauan dan prediksi serangan penyakit, serta penghasilan biobaja berkualiti. Manakala isotop stabil digunakan dalam penentuan ketulenan dan asalan untuk tujuan keselamatan makanan dan forensik.

3. **Dalam bidang perubatan**, antara pencapaian terkini dan kejayaan Nuklear Malaysia ialah mengeluarkan dan membekalkan isotop perubatan Samarium-153 (Sm-153) dan Kit EDTMP yang pertama seumpamanya, untuk digunakan oleh pesakit di Institut Kanser Negara (IKN) bermula 8 Julai 2021. Produk Sm-153 ini digunakan dalam penjagaan paliatif bagi pesakit kanser tulang.

Di samping itu, Nuklear Malaysia juga telah membangunkan keupayaan bagi penghasilan kapsul Iodin-131 untuk rawatan pesakit kanser tiroid.

Pencapaian dan kepakaran ini menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dalam kalangan pesakit kanser di Malaysia.

Kepakaran yang dimiliki oleh Nuklear Malaysia turut diiktiraf oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) melalui jemputan pegawai Nuklear Malaysia dalam misi pakar di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, Nuklear Malaysia turut terlibat dalam pelbagai aktiviti pengkomersialan.

Pada tahun 2020, melalui aktiviti ini, agensi ini telah berjaya memperoleh pendapatan sebanyak RM8.116 juta.

Bagi tahun 2021 pula, pendapatan yang dianggarkan adalah sekitar RM7 juta. Sejak aktiviti pengkomersialan ini dimulakan pada tahun 1988, jumlah hasil yang telah dijana sehingga tahun 2020 telah mencecah RM279 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Menerusi inisiatif *Researcher Industry Scientific Exchange (RISE)*, Nuklear Malaysia turut menyumbang kepada pemindahan tenaga mahir melalui pelaksanaan projek kerjasama bersama 19 syarikat tempatan melibatkan penyertaan seramai 46 penyelidik Nuklear Malaysia sejak tahun 2019.

Selain aktiviti R&D yang dilaksanakan, Nuklear Malaysia juga menyumbang dalam pembangunan kemahiran dan kepakaran tenaga kerja tempatan (K-workers) melalui Pusat Kecemerlangan Nuklear Malaysia (CoNE) yang beroperasi sejak tahun 1996.

Melalui kepakaran, pengalaman dan kemudahan teknologi nuklear yang dimiliki, sehingga kini seramai 53,667 peserta telah dilatih melibatkan tenaga kerja tempatan dari pelbagai sektor termasuk perubatan, industri dan pembuatan, pengurusan alam sekitar, pertanian, serta keselamatan dan sekuriti nuklear.

Program latihan yang ditawarkan membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja tempatan serta membuka peluang pekerjaan baharu kepada masyarakat.

Mengenai peruntukan yang diterima oleh Agensi Nuklear Malaysia,

Bagi tahun 2021, Nuklear Malaysia telah menerima peruntukan Mengurus sebanyak RM87,403,700 dan peruntukan Pembangunan sebanyak RM15,750,000.

Bagi tahun 2022 pula, Nuklear Malaysia telah menerima sebanyak RM86,217,000 bagi peruntukan Mengurus dan RM12,720,000 bagi peruntukan Pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bentuk pengawasan, pemantauan serta penguatkuasaan perundangan terhadap perbuatan mendapatkan Ijazah Kedoktoran (PhD) secara haram oleh mana-mana individu kenamaan termasuk ahli politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memandang serius dan tidak bertoleransi terhadap isu integriti melibatkan pengiktirafan Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Dalam perkara ini, pengurniaan kelayakan oleh UA perlu terlebih dahulu mendapat perakuan Senat dalam memastikan pelajar memenuhi kesemua kriteria penilaian akademik yang telah ditetapkan sebelum bergraduat dari sesebuah program pengajian. Pengeluaran skrol dan sijil di UA juga adalah dikawal melalui sistem jaminan kualiti universiti masing-masing seperti pemberian nombor pendaftaran dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan dakwat khas dan penggunaan cop mohor Universiti masing-masing. Selain itu, setiap UA perlu mempunyai sistem pangkalan data yang menyimpan maklumat mengenai pelajar yang telah bergraduat selaras dengan peruntukan Seksyen 22B (1) Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, di mana tiap-tiap institusi pelajaran tinggi yang ditubuhkan di bawah seksyen 6 hendaklah menyimpan dan menyenggarakan suatu pangkalan data yang mengandungi butir-butir mengenai:

- (b) orang yang diberi ijazah peringkat kedoktoran, termasuk ijazah kodoktoran kehormat;*
- (c) orang yang dilantik sebagai seorang profesor dan termasuk orang yang diberi gelaran Profesor Diraja atau Profesor Emeritus*

Selain itu, KPT turut membangunkan sistem pangkalan data bagi penerima Ijazah Kehormat dan Ph.D di peringkat Kementerian. Pangkalan data ini melibatkan maklumat graduan Ph.D UA dan IPTS yang bergraduat di Malaysia. Sistem ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa melalui pautan: <https://dohe.mohe.gov.my/award>. Bagi semakan pengesahan ijazah yang dikeluarkan oleh IPT tempatan, semakan boleh dibuat terus melalui IPT tersebut.

Dalam aspek penguatkuasaan undang-undang, mana-mana IPT tempatan dan orang awam boleh mengemukakan aduan kes '*false representation*' dengan membuat laporan kepada pihak PDRM. Siasatan lanjut akan dilaksanakan menerusi Sekyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574) atau Akta Akuan Berkanun 1960 atau Peraturan 4(2)(f) dan (g) di bawah Kementerian Dalam Negeri, dan juga Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) bagi kes-kes yang melibatkan penjawat awam atau mana-mana peruntukan perundangan yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN FADHLINA BINTI DATO'
SIDEK
TARIKH : 21 DISEMBER 2021

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status, perkembangan dan garis masa cadangan pembentangan RUU berkaitan jenayah intip dan hendap bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan hidup masyarakat.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri sedang dalam proses penggubalan undang-undang *anti-stalking* dengan membuat pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. *Working draft* terkini telah ditambah baik hasil perbincangan dengan Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara dan draf tersebut sedang dikemaskini oleh Penasihat Undang-Undang BHEUU, JPM sebelum dikemukakan kepada Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara untuk semakan.

Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) telah disediakan dan akan dibentangkan setelah semakan pihak Jabatan Peguam Negara selesai. Rang Undang-Undang (Pindaan) Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada Mac 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. MD NASIR BIN HASHIM
TARIKH : 21 DISEMBER 2021**

Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan berkenaan dengan jalan raya yang kerap rosak dan berlubang-lubang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, antara punca jalan kerap rosak dan berlubang adalah disebabkan kegagalan tahap kefungsi struktur pavemen akibat faktor penuaan jalan (*ageing*). Berdasarkan amalan kejuruteraan terbaik bagi kerja penyenggaraan jalan, struktur pavemen perlu dibuat penyenggaraan secara berkala setiap 4 hingga 7 tahun tertakluk kepada kadar isipadu dan beban trafik yang ditanggung oleh sesuatu jajaran jalan tersebut selain faktor cuaca serta faktor -faktor lain yang memungkinkan kerosakan jalan rosak sebelum menjangkau jangka hayat yang dianggarkan. Selain itu, terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada keadaan jalan yang kerap rosak dan berlubang. Antaranya seperti kenderaan lebih muatan dan kerja-kerja pengorekkan dan pengalihan utiliti yang menyebabkan kerosakan jalan berlaku lebih awal daripada yang dijangkakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, terdapat juga jenis kerosakan lain yang berlaku disebabkan faktor-faktor seperti yang dinyatakan. Antara jenis kerosakan yang sering berlaku di jalan raya adalah keretakan pada permukaan jalan raya. Keretakan (*cracking*) ini biasanya bermula dengan keretakan kecil sebelum ia bersambung antara satu sama lain dan membentuk satu keretakan yang besar. Keretakan ini biasanya berlaku di bahagian kiri atau kanan lorong. Keadaan ini menunjukkan struktur jalan itu mulai lemah dan akhirnya akan membentuk lubang atau lopak di atas permukaan jalan. Selain itu, kerosakan seperti *rutting* (lekukan) dan juga *depression* turut berlaku akibat kegagalan struktur asas jalan (sub base) disebabkan kekerapan trafik yang melebihi had muatan.

Dalam mendepani situasi ini, pelbagai usaha dilaksanakan bagi memperelok dan memutihkan lokasi jalan raya yang sering berlakunya kerosakan melalui kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik. Kementerian ini sentiasa berusaha dan komited dalam memastikan Jalan Persekutuan ini sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa diguna pakai oleh semua pengguna jalan raya. Pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan ini adalah di bawah pengawasan sepenuhnya oleh pihak JKR Malaysia – Semenanjung Malaysia (SM), JKR Sabah, JKR WP Labuan dan JKR Sarawak dan ia dilaksanakan oleh pihak konsesi yang telah dilantik mengikut kawasan/zon masing-masing.

Tiga (3) Skop utama kerja-kerja penyenggaraan jalan yang dilaksanakan adalah terdiri daripada penyenggaraan rutin (sepanjang tahun), berkala pavemen, berkala bukan pavemen, penyenggaraan jambatan, penyenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat serta kerja-kerja kecemasan. Antara kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan adalah seperti tampalan lubang jalan, meratakan bahu jalan, memotong rumput, mencuci perabot jalan, mengecat garisan jalan, membersihkan sistem perparitan jalan dan pembetung serta melakukan rondaan pemeriksaan jalan. Dibawah skop rondaan Pemeriksaan Rutin Jalan, Syarikat Konsesi yang dilantik perlu melakukan rondaan dengan kekerapan dua (2) kali seminggu. Ini adalah bagi memastikan jika terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja-kerja tampalan lubang (secara sementara) dapat dilaksanakan dalam tempoh 24 jam daripada tempoh penemuan.

Usaha ini turut diterjemahkan melalui Program Aku Janji 'Zero Pothole' diperingkat Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan seluruh Malaysia sebagai inisiatif kepada langkah proaktif kerajaan untuk menangani masalah jalan berlubang atau '*Pothole*' di Jalan Persekutuan. Program sifar *pothole* ini memberi penekanan kepada prosedur tindakan kerja-kerja penampalan jalan berlubang dengan pelaksanaan tindakan dalam tempoh 24 jam (secara sementara) daripada penemuan ataupun aduan kerosakan diterima. Manakala bagi pembaikan kekal, tempoh 3 hari diberikan kepada pihak konsesi selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan kontrak penyenggaraan jalan persekutuan (FRM) pihak konsesi.

Untuk makluman Ahli Dewan juga, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta setiap tahun bagi pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan rutin. Bagi tahun 2021 sahaja, Kementerian ini juga telah menyediakan peruntukan bagi penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen dengan nilai berjumlah RM 1.28 billion (RM1.065 billion bagi jalan Semenanjung dan RM218.3 juta bagi jalan Sabah, Sarawak dan Labuan.

Selain itu, bagi membaikpulih jalan-jalan dalam status kritikal, Kementerian Kerja Raya menyediakan program penyenggaraan turapan berdasarkan notis kerosakan (*Notice of Defects / NOD*) yang disediakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan persekutuan. Melalui NOD ini, Kementerian Kerja Raya akan menyenaraikan program penyenggaraan turapan ini mengikut keutamaan dan keperluan mendesak untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan bagi kelulusan peruntukan.

Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan jalan persekutuan di negara ini berada dalam keadaan selamat dan selesa. Justeru itu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pemain industri dalam usaha meneroka ruang baharu dalam teknologi penyenggaraan jalan selain meningkatkan sistem penyampaian maklumat yang berkaitan. Pelbagai kajian serta penggunaan teknologi baharu di dalam turapan jalan seperti penggunaan getah, fiber, polimer dan sebagainya dipergiatkan dalam usaha meningkatkan jangka hayat jalan raya. Kementerian yakin dengan penggunaan teknologi baharu bagi kerja- kerja turapan jalan, ianya dapat meningkatkan lagi ketahanan struktur jalan raya di Malaysia seterusnya memberi keselesaan dan keselamatan kepada semua pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2021, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD
RADZI**
TARIKH : **21 DISEMBER 2021**

Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan pelajar OKU TVET yang tidak berpeluang menjalani proses kemahiran fizikal selama hampir 2 tahun mendapat kemahiran atau 'proficiency' yang diperlukan bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan murid berkeperluan khas (MBK) yang mengikuti pendidikan dan latihan kemahiran dan vokasional (TVET) mendapat pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang yang dipelajari agar mereka diterima bekerja selepas tamat pengajian. Walau bagaimanapun, KPM menyedari bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada pembelajaran MBK terutamanya apabila mereka tidak dapat hadir ke sekolah secara bersemuka. Bagi memastikan tiada MBK TVET yang tercicir dalam pembelajaran semasa penutupan sesi persekolahan bersemuka, KPM telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). PdPR dilaksanakan melalui tiga pendekatan iaitu secara dalam talian (online), di luar talian (off-line) dan *off-site* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi memastikan MBK TVET menguasai kemahiran amali, guru menyediakan bahan PdPR agar mereka dapat melakukan aktiviti amali di rumah dengan sokongan ibu bapa/penjaga. Kemahiran amali ini diperkukuhkan apabila sekolah dibuka dan MBK TVET hadir secara bersemuka tanpa penggiliran.

KPM menyedari bahawa sesi persekolahan secara bersemuka untuk tahun 2020 dan tahun 2021 tidak dapat dilaksanakan sepertimana kebiasaan. Justeru, KPM telah membuat ketetapan untuk melanjutkan

NO SOALAN: 63

sesi persekolahan tahun 2021 sehingga bulan Februari 2022. Pelanjutan sesi ini membolehkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti pemulihan, pengukuhan dan pengayaan secara intensif bagi meningkatkan kemahiran MBK. Ini membolehkan mereka bersedia dan berpeluang untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.

Sekian, terima kasih.